



# SELANGOR INI

**PERCUMA** 3 - 10 Julai 2015, 16 - 23 Ramadan 1436 [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)



Sekalipun wujud pelbagai spekulasi liar

# MB: Stabil dan kukuh

DAP Selangor mengadakan pertemuan mesra dengan MB manakala PAS Pusat arah Adunnya bersama Azmin.

- Majoriti Adun sokong Azmin
- ‘Tak sedikit pun hilang sokongan’
- Pakatan kekal tadbir negeri

BERITA LANJUT DI MUKA 2



Gambar oleh Astrie Sapfe

**KHUSYUK...**  
DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bersama-sama jemaah menunaikan solat di Masjid Negeri Shah Alam selepas menyampaikan bantuan kepada asnaf

## Penjawat awam Selangor terima bonus sebulan gaji

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mengumumkan pemberian imbuhan sebulan gaji kepada penjawat awam sempena sambutan Aidilfitri kali ini.

Pada kenyataan media, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia memberi manfaat kepada

17,534 orang yang berkhidmat dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

Katanya, ia sebagai menghargai khidmat semua penjawat awam dalam melaksanakan dasar Kerajaan Negeri secara profesional dan berintegriti ke arah Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli.

“Imbuhan itu akan dibayar pada 9 Julai ini,” katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Pulau Pinang mengumum pemberian bonus setengah bulan gaji manakala penjawat awam Kerajaan Persekutuan hanya menerima wang imbuhan RM500.

- Tinjauan: Gembira jasa dihargai
- Penjawat awam Kerajaan Persekutuan cemburu
- PM terima kecaman di media sosial

# Kerajaan stabil dan kukuh

**SHAH ALAM** - SHAH ALAM: Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menegaskan tiada sebarang krisis politik di Selangor, sebaliknya Kerajaan Negeri kukuh dan stabil.

"Tiada krisis. Kerajaan Negeri berfungsi dengan baik, kukuh, malahan stabil. Tidak ada masalah dalam hal itu," katanya yang juga Timbalan Presiden PKR.

Beliau berkata demikian selepas perbincangan rasmi antara PKR dan DAP Selangor mengenai situasi politik di negeri ini di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), 30 Jun lalu.

Delegasi PKR yang hadir termasuk Timbalan Presiden Azmin Ali dan Ketua Wanita Zuraida Kamaruddin. Azmin juga Ketua PKR Selangor.

Sebelum ini, media tempatan menggembor-gembur situasi politik di negeri ini beriku-



“

**Tiada krisis. Kerajaan Negeri berfungsi dengan baik, kukuh, malahan stabil. Tidak ada masalah dalam hal itu**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

tan masalah hubungan antara PAS dan DAP berikutnya satu usul di Muktamar Tahunan PAS lalu.

Ia menimbulkan pelbagai spekulasi liar tersebar, malah

beberapa kenyataan media pemimpin tertentu tambah mengelirukan situasi sebenar mengenai kestabilan Kerajaan Selangor.

## 'Tiada sedikit pun hilang sokongan'

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor pimpinan Dato Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berfungsi dengan baik dan sama sekali tidak perlu untuk dibubar untuk mandat baru.

Ahli Biro Politik PKR, N Surendran berkata, ia selaras Artikel 53(2) (a) Perlembagaan Selangor yang menyebut Menteri Besar dan pentadbirannya kekal selagi memperoleh sokongan majoriti Adun.

Mengikut Artikel 53 (6) pula, beliau berkata, kerajaan hanya dianggap gagal jika Menteri Besar tidak dapat menyakinkan majoriti Adun.

"Bagaimanapun, tiada tanda sedikit pun bahawa Menteri Besar Selangor kehilangan soko-

ngan daripada Adun PKR, DAP dan PAS.

"Malah, sokongan dinyatakan secara jelas dari pimpinan ketiga-tiga parti itu," katanya pada kenyataan media, 25 Jun lalu.

Kenyataan itu susulan pandangan segerintir pihak yang mencadangkan pembubaran Dewan Negeri Selangor (DNS) sebagai penyelesaian konflik politik.

Surendran berkata, sesebuah kerajaan sama ada peringkat negeri atau pusat, dibentuk menerusi sokongan majoriti ahli dewan tanpa mengambil kira kedudukan parti atau pakatan.

"Cadangan bahawa kerajaan dengan sokongan majoriti untuk dibubar dan keperluan man-

“

**Sehingga kini, Kerajaan Selangor ternyata berfungsi dengan normal. Maka tiada sebab ia cacat atau perlu dibubar**

**N SURENDRA**  
Ahli Biro Politik PKR

dat baru bertentangan dengan amalan perlembagaan.

"Sehingga kini, Kerajaan Selangor ternyata berfungsi dengan normal. Maka tiada sebab ia cacat atau perlu dibubar," katanya.

## 70 peratus Adun yakin Pakatan kekal terajui Selangor

**SHAH ALAM** - Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor diyakini mampu bertahan berdasarkan maklum balas Adun, kata Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar, Shuhaimi Shafie.

Beliau berkata, keyakinan itu terzahir hasil perbincangan

selama sebulan selain mesyuarat mingguan bersama wakil rakyat.

"Daripada 60 atau 70 peratus Adun yang ditemui, kami yakin kerajaan Pakatan yang diasaskan pada 2008 akan bertahan," katanya dipetik Malaysiakini.

Pada 22 Jun lalu, Mohamed Azmin Ali menghadap Sultan Sharafuddin Idris Shah dan dititahkan untuk mempertahankan kestabilan kerajaan demi pembangunan negeri dan rakyat.

Mengulas lanjut, Shuhaimi

## Perbincangan konstruktif, DAP sokong Azmin

**SHAH ALAM** - Perbincangan antara pimpinan PKR dan DAP berlangsung selama 30 minit dalam keadaan mesra sekalipun segerintir pihak mengandaikan sebaliknya.

Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua, pula berkata perbincangan itu sebagai perbincangan konstruktif, pertukaran idea dan menyentuh isu semasa.

"Selepas 30 minit perbincangan, kami amat memahami kedudukan masing-masing dengan lebih baik dan kami akan bertemu selepas hari raya," katanya dipetik Malaysiakini.

Sekalipun tetapi tiada keputusan dicapai setakat ini, katanya, perbincangan lanjut akan diteruskan selepas sambutan Aidilfitri.



**Tony Pua**

Ditanya mengenai sokongan DAP Selangor terhadap Mohamed Azmin, beliau berkata: Kita tak ada masalah dengan Azmin. Isunya bukan soal Azmin sebagai Dato' Menteri Besar.

## Hadi: Pertahan Kerajaan Negeri

**KUALA LUMPUR** - PAS Pusat mengarahkan Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad memastikan semua Adun Selangor dari parti itu, mempertahankan kerajaan Selangor.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata mereka perlu meneruskan khidmat kepada rakyat, seterusnya mengekal kedudukan kerajaan Selangor.

"PAS Pusat memberi arahan kepada seluruh Adun PAS Selangor supaya terus bersama dengan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali," katanya pada kenyataan media, 24 Jun lalu.

Beliau berkata, kerjasama PAS dengan parti dalam gabungan Pakatan Rakyat di Selangor dalam kerangka untuk mempertahankan kerajaan yang dibina bersama melalui kepercayaan rakyat.

Katanya, aspirasi rakyat yang mahu perubahan perlu dipenuhi sekalipun kerjasama dalam Pakatan Rakyat pada tahap paling mengejar.

"PAS akan terus dan tetap melak-



**PAS Pusat memberi arahan kepada seluruh Adun PAS Selangor supaya terus bersama dengan YAB Dato' Menteri Besar Selangor**

**ABDUL HADI**  
Presiden PAS

sanakan Tahaluf Siyasi bersama Pakatan Rakyat, selagi mana ianya tidak bercanggah dengan panduan al-Quran dan as-Sunnah," katanya.

PAS berakhir kira-kira dua minggu lalu.

"Jawatankuasa berkenaan adalah badan peringkat negeri yang membincangkan berkenaan pelantikan politik seperti exco dan ketua kampung," katanya.

# Selangor Kini terima penghargaan ke-3 tahun ini

**SHAH ALAM** - Selangor Kini menerima sijil penghargaan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) atas komitmen terhadap pelbagai isu sekitar daerah itu.

Penghargaan diberi kepada Wartawan Kanan, Naeem Raffi dan Wartawan Penyiaran, Ahmad Nahar Sulaiman dengan masing-masing menerima sijil dan hamper.

la penghargaan ketiga diraih Selangor Kini sepanjang tahun ini.

Sebelum ini, Naeem menang Anugerah Liputan Aduan dan Permasalahan Terbaik 2014 pada Majlis Apresiasi Media Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Sementara itu, TVSelangorku menerima Anugerah Media Baru bagi kategori tv internet pada Majlis Apresiasi

Media Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

TVSelangorku turut menang anugerah MBPJ melalui segmen Apa Khabar Selangor (AKS) kendalian Al-hayrham DJ Mansor.

Pemangku Ketua Jurugambar Selangor Kini, Muhammad Asri Sapfie pula menang Anugerah Penghargaan Fotografi pada majlis sama.



## Pemberian bonus sebulan gaji

# Penjawat awam Selangor dicemburui

**SHAH ALAM** - Pejawat awam kepada Kerajaan Persekutuan mencemburui rakan sejawat di Selangor berikutan perbezaan besar imbuhan sempena sambutan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata mereka melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) menyatakan hasrat untuk bekerja

di Selangor.

"Saya dapat banyak SMS daripada pegawai peringkat Persekutuan yang cemburu sebab pegawai negeri dapat sebulan bonus, di Persekutuan hanya RM500."

"Ada yang kata dia nak pindah bekerja di Selangor," katanya pada program berbuka puasa di kedia-

man Menteri Besar, 28 Jun lalu.

Beliau berkata, penjawat awam peringkat Persekutuan tidak perlu berpindah, sebaliknya mereka akan memperoleh imbuhan sama apabila Pakatan menawan Putrajaya.

"Saya kata tak payah pindah, biar saya pindah ke Putrajaya. In-sya-Allah," katanya.

## Gembira terima bonus

**SHAH ALAM** - Pemberian insentif sebulan gaji sempena sambutan Aidilfitri membuktikan penjawat awam di Selangor sentiasa dihargai.

Pembantu Operasi Pejabat Menteri Besar, Norshah Hefny Mohd Nazir, 58, bersyukur dan berterima kasih kepada Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali atas pemberian bonus itu.

"Ia meringankan beban kami dalam membuat persiapan raya kerana perbelanjaan makin meningkat terutama untuk keperluan anak," katanya.

Pembantu Tadbir Pejabat Menteri Besar, Mohammad Taufiqil Hafiz, 25, berkata imbuhan gaji dapat meringankan beban kaki-tangan awam.

"Ia memudahkan kami membuat persiapan raya lebih awal seperti penyelenggaraan kereta sebelum pulang ke kampung," katanya.

Bagi Setiausaha, Zarini Zainun,

37, keprihatinan Kerajaan Negeri patut dipuji kerana menghargai perkhidmatan semua penjawat awam.

"Saya sarankan Kerajaan Persekutuan lebih bertimbang rasa dalam pemberian bantuan raya. Pandang dan dengarlah suara rakyat kerana kami berhak dapat lebih setimpal dengan kadar GST," katanya.

Kakitangan Unit Keselamatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK), Johan Alief Ismail, 31, berkata pemberian bonus oleh Kerajaan Negeri membantu mengurangkan sedikit beban walau-pun harga barang kian meningkat.

"Kami tetap bersyukur, walau-pun kita tahu hakikatnya masih tidak mencukupi. Justeru, orang ramai perlu pandai berjimat dan merancang perbelanjaan sebaiknya serta mengurangkan sifat boros dalam berbelanja," katanya.



Norshah Hefny

Pegawai Pengukuasa SUK, Misnun Ramli, 63, berkata pengumuman pembayaran bonus oleh Mohamed Azmin sangat menggembirakan hati semua kakitangan awam Selangor.

"Pemberian itu dapat menampung kos perbelanjaan hari raya, kemasukan anak ke sekolah dan simpanan selepas perayaan," katanya.

## PM dikritik pengguna Facebook

**SHAH ALAM** - Berikutan pengumuman Kerajaan Selangor, rata-rata penjawat awam membandingkan pemberian bonus Aidilfitri antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Mereka memuji Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dianggap patut menyorokkan muka bawah bantal.

Ia berikutan pemberian bonus Aidilfitri Kerajaan Persekutuan tahun ini dan sebelumnya, jauh lebih rendah berbanding Kerajaan Selangor mahupun Kerajaan Pulau Pinang.

Beberapa individu memberi komen dalam Facebook Mohamed Azmin yang membandingkan imbuhan itu dengan bantuan khas raya RM500 kepada kakitangan awam 17 Jun lalu.

"Hare betol lah boleh dia bagi sebulan bonus, 'next time' undi jibby (Najib) lah dia bagi BRIM (Bantuan Rakyat 1 Malaysia) sekali GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan)," sindir Doll di Facebooknya.

"Najib bagi RM500 hingga je," luah Zainal Abidin pula.

"YB Mohamed Azmin Alicakap



**Muhammad Huzaini Muhammad Rasid Alhamdulillah YB Azmin Ali...** semoga kerajaan negeri dimurahkan rezeki & menjadi contoh kepada rakyat negeri lain tentang negeri berkebajikan dibawah PR. Hasil dikembalikan kepada rakyat.

Like · Reply · 23 · 1 hr · Edited

→ 3 Replies · 28 mins



**Azri Arman Iskandar Alhamdulillah..** seronok tgk selangor....rezeki pd semua...jlnkan tugas dgn amanah

Like · Reply · 11 · 1 hr



**Fared Al-Wageh alhamdulillah bertuah selangor di bawah kerajaan PR...**

Like · Reply · 7 · 1 hr



**Lyly Yana Alhamdulillah**

Like · Reply · 7 · 1 hr



**Khairi Khalid terbaik selangor...duit byk dibahagi sama rata**

Like · Reply · 6 · 1 hr

Selangor dapat bonus raya satu bulan gaji. Sekian #mohonJEALOUS dan sorok muka bawah bantal," kata Bob Chikonaz Fotografi.

Kebanyakan kakitangan Kerajaan Selangor pula bersyukur atas pemberian yang membantu persiapan Aidilfitri itu.

"Alhamdulillah. Rezeki anak-anak," kongsi Kiera Idres.

"Syukur walaupun dapat lambat dari yang lain tapi sekurang-kurangnya boleh menampung untuk tunggu gaji bulan Ogos," kata Rafidah Mohd Sabli.

Muhammad Huzaini Muhammad Rasid turut bersyukur dan mendoakan kemurahan rezeki Kerajaan Negeri.

"Alhamdulillah, Menteri Besar Mohamed Azmin Ali. Semon-ga Kerajaan Negeri dimurahkan rezeki dan menjadi contoh kepada rakyat negeri lain tentang negeri berkebajikan di bawah PR (Pakatan)," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin mengumumkan pemberian imbuhan itu yang membabitkan 17,534 anggota berkelayakan dan berkhidmat dalam pentadbiran Kerajaan Negeri yang akan dibayar 9 Julai ini.

## Masalah Kerajaan Persekutuan dapat banyak kuasa

**SHAH ALAM** - Tidak adil bagi Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim meminta Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berundur jika gagal menyelesaikan penstrukturkan semula air di negeri itu.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, berkata ia berikutan pentadbiran Abdul Khalid dilihat banyak memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan berbanding Kerajaan Selangor.

"Ketika Abdul Khalid jadi Menteri Besar, Kerajaan Negeri sebenarnya banyak hilang kuasa peng-

urusian air di Selangor.

"Kerajaan Negeri hanya ada tanggungjawab arahkan pembangunan kepada pemaju membina Loji Rawatan Air Langat 2 dan memberi tanah tetapi tiada kuasa menentukan teknologi mana yang boleh digunakan," katanya kepada Selangor Kini.

Terdahulu, Abdul Khalid mengulangi gesaan supaya Mohamed Azmin segera menyelesaikan penstrukturkan semula air dan membuat beberapa tuduhan terhadap pengantinya itu.

## Hubungkan loji air elak gangguan

“

**Ada antara loji rawatan lain tiada kepadatan penduduk manakala sesetengah kawasan loji tidak dapat menampung kepadatan penduduk**

**MOHD YUSOF**

Timbalan Presiden FOMCA

Yusof berkata, penambahan loji rawatan juga perlu bagi menampung rizab air terawat sekali gus sungai tidak tercemar dan bersih.

"Contoh, ladang ternakan atau tempat pelupusan sampah berhampiran sungai perlu di-pindah untuk elak pencemaran," katanya.

Baru-baru ini, Semenyih dan Beranang kekurangan bekalan air ekoran keupayaan loji terawat tidak dapat menampung kepadatan penduduk.

"Isu kekurangan bekalan air terawat mungkin dapat dibantu melalui kaedah ini.

"Ada antara loji rawatan lain tiada kepadatan penduduk manakala sesetengah kawasan loji tidak dapat menampung kepadatan penduduk," katanya kepada SelangorKini.

## SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizah Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com, Afiz Redzuan : afizredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com, Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian : syazwansufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Walaupun jadi MB selama enam tahun

## Khalid gagal selesai isu air



**Mohamed Azmin memberi ucapan semasa Majlis Berbuka Puasa di Kediaman Rasmi Menteri Besar di Seksyen 7 Shah Alam**

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim gagal menyelesaikan perjanjian penstrukturkan air Selangor meskipun enam tahun memegang tumpuk pemerintahan negeri.

Secara sinis, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali ketika ditanya mengenai desakan Abdul Khalid yang menyarankannya berundur berikutan perjanjian itu belum me-muktamad.

"Dia (Abdul Khalid) gagal selesaikan selama enam tahun. Saya baru

sembilan bulan," katanya kepada media pada Majlis Berbuka Puasa di Kediaman Rasmi Menteri Besar di Seksyen 7 Shah Alam.

Abdul Khalid pada kenyataan media baru-baru ini mencadangkan pengganti lain bagi melaksanakan tanggungjawab itu.

Sebelum ini, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Selangor dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) dijangka membuat kenyataan bersama bagaimana mengumumkan perjanjian penstrukturkan air Selangor secara rasmi.

Kenyataan media 14 Jun lalu itu

“**Dia (Abdul Khalid) gagal selesaikan selama enam tahun. Saya baru sembilan bulan**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

merujuk pertemuan beliau dengan Menteri KeTHHA, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili pada minggu berkenaan.

## Muktamad segera penstrukturkan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor dan Kerajaan Persekutuan digesa segera memuktamad penstrukturkan industri air Selangor demi kepentingan rakyat.

Penyelaras Gabungan Mem-bantah Penswastaan Air (CAWP), Charles Santiago, berkata ia bagi mengelakkan rakyat berdepan krisis air pada musim kering.

Akses utama pengurusan air belum dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Selangor walaupun perjanjian sudah ditandatangani.

"Ia harus disegerakan kerana dalam tempoh seminggu ini, cuaca

terlalu panas tanpa hujan. Jika berlarutan masalah bekalan air mungkin berlaku. Jadi, isu air perlu diselesaikan segera," katanya lagi.

Ahli Parlimen Klang itu difahamkan Kerajaan Negeri sudah berme-syuarat bersama KeTHHA untuk me-muktamad penstrukturkan air.

Bagaimanapun, katanya, tiada sebarang kenyataan media ber-hubung hal itu, sekali gus membuktikan ia belum selesai sepenuhnya.

"Saya diberitahu perjanjian itu akan ditandatangani untuk me-muktamad penstrukturkan air tetapi mungkin ia ditangguh," katanya.



**Charles Santiago**

**SHAH ALAM** - Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) memfailkan saman terhadap bekas Ketua Pegawai Eksekutifnya, Faekah Husin dan tujuh lain berikutan keengganan memulangkan pampasan RM2.7 juta.

Peguam mewakili MBI, Shahir Razak, berkata langkah itu diambil apabila pemulangan wang itu gagal dipenuhi semua defendan.

"Saman itu difail bulan lalu atas arahan anak guam saya selepas semua defendan enggan memulangkan wang itu

"MBI menuntut semua defendan membayar faedah lima peratus ke atas jumlah dituntut,

# Pampasan RM2.7 juta: MBI fail saman

pampasan kewangan lain dan kos jika keputusan mahkamah memihak kepada MBI," katanya dipetik Malaysian Insider.

Shahir berkata, saman difail di Mahkamah Tinggi Shah Alam atas alasan defendan tidak layak menerima pampasan itu, 11 Mei lalu.

Pampasan itu diberi kepada

Faekah dan tujuh lain iaitu Rohani Talib, Arfa'eza Abdul Aziz, Mustapha Mohd Talib, Rahimah Kamarudin, Dr Sulaiman Masri, Abdul Halim Mohamed Yusof dan Tuan Nazuri Tuan Ismail.

Shahir berkata, kes itu akan disebut di hadapan penolong pendaftar kanan pada 28 Julai ini bagi membolehkan semua

pihak berkenaan mengambil tindakan lanjut.

Katanya, MBI bersedia menggugurkan tindakan itu jika defendan mengembalikan jumlah yang dituntut.

Pada Januari lalu, Faekah menafikan ada salah laku dalam bayaran pampasan yang diterima mereka.

**“MBI menuntut semua defendan membayar faedah lima peratus ke atas jumlah dituntut, pampasan kewangan lain dan kos jika keputusan mahkamah memihak kepada MBI”**

**SHAHIR RAZAK**  
Peguam mewakili MBI

## Kenaikan kadar SBA diteliti

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa Wang Kira-kira (PAC) Selangor menyambut baik penelitian semula kadar baru Skim Bantuan AM (SBA) yang ketika ini dikaji Kerajaan Negeri.

Pemangku Pengurus PAC, NG Suee Lim, berkata langkah proaktif yang diambil membuktikan keprihatinan dan kedudukan terhadap rakyat semakin tinggi.

"Kita sedia maklum Selangor kedua terendah dalam SBA. Kita juga tahu Exco terbabit iaitu Dr Daroyah Alwi memaklumkan ia dalam penelitian dan kertas kerja dijalankan.

"Bagi PAC dan rakyat, ia berita baik. Ini membuktikan Kerajaan Negeri prihatin dan peduli rakyat," katanya kepada Selangor Kini.

SBA adalah bantuan bulanan kepada warga tua, balu, anak yatim miskin, OKU, tanggungan banduan, pusat tahanan dan pesakit.

Suee Lim berkata, pihaknya juga memantau bantuan Kerajaan Negeri supaya disalur terus kepada penerima tanpa halangan.

"Kita berharap kadar disyor iaitu RM300 sebulan dapat diguna pakai. Jumlah itu memadai buat masa ini," katanya.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi sebelum ini memaklumkan kadar baru SBA sedang diteliti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaras dengan Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia.

Ketika ini, Kerajaan Negeri mengkaji kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) penduduk negeri bagi merealisasikan skim baru itu.

Sebelum ini, Suee Lim pada sidang media mahu pemberian SBA sekitar RM100 hingga RM175 sebulan ketika ini dinaikkan.



Hannah Yeoh

## Tak kisah dikritik bertudung

**SHAH ALAM** - Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh tidak kisah dikritik masyarakat sebangsa dengannya berikutan tindakannya bertudung di dalam masjid bagi menghormati Islam.

Malah, Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) itu pada paparan Facebooknya pagi ini, sama sekali tidak akan memohon maaf atas perbuatannya itu dan menolak pandangan ekstrim sesetengah pihak.

"Biar saya jelaskan sekali lagi, pandangan ekstrim wujud dalam setiap kepercayaan dan

bangsa.

"Saya masuk politik untuk melawan pandangan sebegini, maka saya tidak akan memohon maaf atas pendirian saya," katanya.

Terdahulu, beliau dikritik kolumnis akhbar tertentu berikutan bertudung pada majlis berbuka puasa di Masjid Al Falah, Subang Jaya, 23 Jun lalu.

Hannah turut menyampaikan sumbangan RM30,000 untuk semua masjid dan surau di DUN berkenaan.

Kenyataan Hannah mengun-

dang soko-ngan pengikutnya termasuk bukan Islam di Facebook yang turut memberi kata-kata semangat.

"Kamu di dalam masjid, maka betullah tindakan memakai tudung, tidak berkompromi pun dengan kepercayaan kamu. Jangan terganggu dengan orang berfikiran sempit," kata Seong Yeow Tan.

"Saya memakai baju Melayu siap bersamping ketika berkunjung di hari raya dan saya seorang Katholik," kongsi Billy Kidman.

## Kes denggi meningkat

**SHAH ALAM** - Kes denggi di seluruh negara terus menunjukkan peningkatan daripada 1,400 kes seminggu pada April lalu kepada purata 2,200 kes untuk tempoh sama bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya menjangkakan tren peningka-

tan kes denggi berterusan sehingga hujung tahun ini.

Katanya, andaian itu berdasarkan kepada perubahan serotype denggi (serotype shift) yang berlaku pada April lalu dan mengikut cyclical pattern, tahun lalu.

"Jumlah kumulatif kes denggi dari Januari hingga 20 Jun

lalu adalah 53,823 berbanding 40,208 dilaporkan bagi sama 2014 yang menunjukkan peningkatan 34 peratus (13,615 kes).

"Manakala, terdapat 158 kematian dilaporkan berbanding 78 kematian bagi tempoh sama 2014 iaitu meningkat sebanyak 80 kematian (103%)," katanya.

**Terdapat 158 kematian dilaporkan berbanding 78 kematian bagi tempoh sama 2014 iaitu meningkat sebanyak 80 kematian (103%)**

# Sambutan hangat bazar Asnaf

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Peniaga Bazar Asnaf teruja dan menghargai peluang perniagaan sepanjang Ramadan yang ditawarkan Lemba Zakat Selangor (LZS).

Peniaga Nasi Ambeng dari Sijangkang, Norhayati Mohamad, 42, gembira kerana diberi peluang bermiaga sepanjang Ramadhan, sekali gus menambah pendapatannya dan keluarga.

"Sebelum hanya bermiaga mengikut tempahan sahaja. Pendapatan kurang kerana suami bekerja sebagai pengawal keselamatan. Jadi, peluang, dapatlah tampung perbelanjaan raya," katanya.

Ibu kepada tiga anak yang bermiaga kuih-muih itu mendapat pulangan antara RM200 hingga RM300 sehari.

"Saya bermiaga sejak enam



tahun lalu dan LZS beri peluang menambah pendapatan.

"Ketika mula-mula bermiaga, LZS memberi modal RM1,500

setahun tetapi tahun ini saya tidak ambil modal itu untuk bagi peluang pada orang lain.

"Inisiatif sebegini sangat diperlukan dan dihargai. Peluang keemasan ini memang tidak



**Di Sijangkang,  
20 gerai disediakan  
dan majoriti  
golongan itu  
terdiri daripada  
ibu tunggal**

diakan dan majoriti golongan itu terdiri daripada ibu tunggal.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat LZS, Norajun Ainun Mohd Hashim memaklumkan Bazar Asnaf wujud sejak enam tahun lalu.

Katanya, ia galakan kepada asnaf sejajar sasaran LZS untuk melahirkan ramai usahawan bagi meningkatkan kehidupan dan keluar dari garis kemiskinan.

"Bantuan disediakan setiap tahun menjelang Ramadhan itu mendapat kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menyediakan tapak," katanya.

Sejak penganjuran itu, ham-pir setiap daerah menyediakan tapak Bazar Asnaf, bahkan 530 asnaf menerima RM796,000 iaitu bantuan modal bagi memulakan perniagaan, tahun lalu.



## Fitnah biskut raya IKS Bumiputera

**SHAH ALAM** - Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera kecewa apabila jualan biskut raya keluaran syarikat masing-masing terjejas akibat penyebaran maklumat palsu.

Akibatnya, biskut raya yang dipasarkan di pasar raya besar Giant diimport dari China sebelum ditukar kepada label syarikat tempatan.

Menolak dakwaan itu, Pengurus E-In Cookies, Mohd Hasrul Rosli, berkata mereka difitnah pihak tak bertanggungjawab yang akhirnya memangsakan IKS.

Katanya, biskut keluaran syarikat dihasilkan sendiri dan mendapat sijil pengesahan halal dari Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM).

Kepada Selangorkini, beliau

berkata, kemerosotan dapat dirasai apabila mereka dimaklumkan jurupromosi dan Giant bahawa jualan mula merosot.

"Setiap hari ada sahaja panggilan telefon bertanyakan status biskut kami. Selepas diyakinkan, baru mereka beli."

"Akan tetapi, pada masa sama saya fikir berapa ramai yang percaya bulat-bulat, tidak selidik atau bertanya kami sendiri," katanya.

Berdepan masalah sama, Lembaga Pengarah Noraini's Cookies World Wide Sdn Bhd, Hezlee Ezha Norsham menggesa orang ramai tidak terpedaya dengan maklumat palsu itu.

"Fitnah itu memberi tekanan dan rakan pengeluar lain yang memasarkan produk di Giant. Saya harap orang ramai kaji da-

hulu, jangan terus percaya khabar angin."

"Biskut raya itu turut dipasar di pasar raya besar Tesco dan Aeon Big. Saya serahkan kepada pihak pengurusan pasar raya itu untuk tindakan," katanya.

Seperti E-In Cookies, Hezlee turut menerima panggilan orang ramai yang bertanya pengesahan status halal JAKIM pada produk syarikat.

Sementara itu, Selangor Kini mendapati di facebook milik Izara Cookies, juga syarikat pengusaha IKS memuat naik beberapa gambar menarik.

Antaranya, lawatan pegawai Pusat Promosi dan Teknologi Mardi Serdang dan Kota Bharu di kilang itu yang beroperasi di Taman Sri Serdang.



"Alhamdulillah – Lawatan dari atas sokongan pihak Mardi," tulis pengendali akaun terbabit.

Pengendalinya turut memuat naik beberapa gambar produk syarikat beberapa rak jualan.

Kebakaran rumah setinggan Batu 12 Puchong

# Mangsa setuju pindah rumah transit

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri tidak pernah menghalau mangsa kebakaran rumah setinggan Batu 12, Puchong dari penempatan sementara seperti didakwa pihak tertentu sebaliknya mereka enggan berpindah ke rumah transit yang disediakan.

Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Selangor, Shuhaimi Shafiei, berkata Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyediakan tempat penginapan

lebih selesa di rumah transit yang terletak di Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6.

"Selepas kejadian kebakaran 7 Jun lalu, lapan keluarga dipindahkan ke Dewan Serbaguna MPSJ Bandar Bukit Puchong pada jam 11.00 malam dengan bantuan MPSJ.

"Notis untuk berpindah ke rumah transit sudah diserahkan kepada semua ketua keluarga secara serahan tangan serta tampalan notis di de-

wan itu, pada 19 Jun lalu. Namun, tiga keluarga enggan berpindah," katanya dalam kenyataan media.

Shuhaimi berkata, penempatan sementara dilanjutkan sehingga 26 Jun lalu bagi memudahkan mangsa membuat persiapan berpindah dan dilanjutkan sekali lagi sehingga jam 2.00 petang, pada 29 Jun lalu.

"Penempatan sementara (rumah transit) yang disediakan selama empat bulan itu tidak dikenakan sebarang sewa. Namun, mereka enggan berpindah atas alasan lokasi itu jauh, bahkan berhasrat membuat tuntutan milikan tanah berstatus milik kerajaan.

"Ingin ditegaskan, MPSJ atau Kerajaan Negeri tidak pernah menghalau mangsa kebakaran tanpa tempat berteduh. Hasil perbincangan, tiga keluarga terbabit akhirnya bersetuju untuk berpindah ke lokasi ditetapkan," katanya



Kanak-kanak sebahagian daripada mangsa kebakaran

## Pinda enakmen perladangan unggas

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri dijangka meminda Enakmen Perladangan Unggas bagi memastikan aktiviti perternakan tidak menjejaskan penduduk berdekatan.

Adun Kuala Kubu Bahru, Lee Kee Hiong berkata pihaknya menerima maklum balas daripada Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam tindakan isu terbabit.

"Saya sudah terima surat maklum balas duntuk memanggil Pegawai Undang-Undang Negeri susulan surat saya yang mahu Enakmen Perladangan Unggas dipinda," katanya kepada Selangorkini.

Sebelum ini, Kee Hiong berkata, pihaknya banyak menerima aduan penduduk di Kerling yang terpaksa menghidu bau busuk akibat aktiviti perternakan ayam.

Katanya, antara aduan itu ialah pencemaran bau dan latang yang berulang terutama setiap kali penghantaran ayam daging untuk proses jualan.

"Penduduk terpaksa berdepan masalah tahi ayam dan cecair busuk sepanjang jalan selain lalat memenuhi kedian," katanya.

Dalam cadangan itu, Kee Hiong mahu ladang ayam itu dipindah pada jarak minimum 500 meter dari rumah, sekolah, klinik dan rumah ibadat.

"Ia perlu ditingkat dari 200 Meter ke 500 meter manakala bagi ternakan ayam 30,000 ekor secara komersial, ia perlu dalam jarak satu kilometer," katanya.

Beliau juga mahu Jabatan Veterinar Selangor mengenakan syarat ketat supaya ladang ternakan wajib dilengkapi dengan alat pembunuhan serangga elektronik mahupun konvensional.



Menteri Besar Incorporated



## PELAWAAN MEMBERI MAKLUMAT (RFI)

### RAKAN PEMBANGUNAN UNTUK PEMERBADANAN MENTERI BESAR SELANGOR

Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) telah ditubuhkan dibawah Enakmen Menteri Besar Selangor [Enakmen No: 3 1994] pada 21hb September 1994, untuk mentadbir harta dan aktiviti berunsur perniagaan yang diluar bidang kuasa pihak kerajaan negeri. Darul Ehsan Investment Group (DEIG) merupakan sebuah anak syarikat hakmilik penuh MBI, menjadi badan pelaburan strategik bagi Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurus, memperkembang dan memelihara aset Negeri Selangor.

MBI mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Memberi Maklumat (RFI) sebagai rakan pembangunan bersama-sama dengan DEIG dalam membangunkan beberapa bidang tanah dalam negeri Selangor.

1. Proses RFI dibuka kepada pemohon-pemohon berdasarkan kriteria-kriteria berikut:
  - a. Pemohon-pemohon dengan modal saham berbayar berjumlah sekurang-kurangnya RM1 juta atau ke atas.
  - b. Mempunyai pengalaman pembangunan harta tanah sebanyak 30 tahun (minimum) secara kumulatif di kalangan lima (5) kakitangan pengurusan (maksima).
2. MBI mempunyai hak untuk menerima atau menolak sebarang serahan atau membatalkan RFI pemohon di mana perlu, tanpa membayar balik sebarang perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh pemohon dalam proses RFI. Segala keputusan yang dibuat oleh MBI adalah muktamad.
3. Pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan dan selanjutnya akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam proses Permintaan Cadangan (RFP).
4. Segala pertanyaan tentang proses RFI di atas boleh diajukan kepada [rft\\_enquiries@mbiselangor.com](mailto:rft_enquiries@mbiselangor.com) bermula 27 Jun 2015 sehingga 9 Julai 2015. Sebarang kaedah pertanyaan lain tidak akan dilayan.
5. Syarat umum dan dokumen yang berkaitan RFI boleh dimuat turun daripada laman web [www.mbiselangor.com](http://www.mbiselangor.com) dan [www.deig.com.my](http://www.deig.com.my) bermula 8.30 pagi 27 Jun 2015 sehingga 7.30 petang 9 Julai 2015.
6. Set dokumen RFI yang lengkap dan ditandangani oleh pemohon hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterai dan didepositkan ke dalam Kotak Tender disediakan sebelum 12 tengah hari Jumaat, 10 Julai 2015 di:

**MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**  
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

# Wujudkan mekanisme kawal beli banyak rumah

Rumah Selangorku mendapat sambutan hangat dari penduduk Selangor. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) memikul tanggungjawab besar bagi merealisasi impian mereka. Ikuti temu bual wartawan Selangor Kini, AFIX REDZUAN bersama Pengarah Eksekutif LPHS, NORZATON AINI MOHD KASSIM



**Bagaimana Projek Rumah Selangorku mampu mencapai sasaran ditetapkan untuk tahun ini dan lima tahun akan datang?**

Setakat Mei 2015, ada 13 projek melibatkan 15,721 unit Rumah Selangorku yang menyertai skim ini sama ada yang akan dibina Kerajaan Negeri atau melalui syarikat swasta atau anak syarikat (GLC).

Hingga kini, ada lapan lagi permohonan dan sasaran untuk mencapai 20,000 unit. Kita yakin mampu dicapai pada Ogos ini. Kadarnya mungkin bertambah lagi.

Dalam memastikan Rumah Selangorku dibina, kita ada Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan Datuk Iskandar A Samad manakala saya bertanggungjawab dalam Jawatankuasa Pemantauan dan Jawatankuasa Teknikal.

Kita akan memanggil syarikat memberi laporan setiap tiga bulan. Pegawai kami akan turun padang melihat perkembangan projek sebagai bukti pemaju melakukan pembangunan.



Kita percaya dengan polisi Rumah Selangorku yang kita buat sekarang memberikan ruang selesa kepada pemaju kerana harga rumah dari RM42,000 hingga RM250,000 mengikut jenis A,B,C dan D.

Ia tidak membebankan pemaju seolah-olah pemaju kena memberi banyak subsidi. Pemaju mungkin tidak boleh membuat keuntungan tinggi sekitar bawah lima peratus tetapi mereka ghairah membantu Kerajaan Negeri.

**Bagaimana LPHS melihat isu kenaikan harga rumah di Lembah Klang? Apakah usaha untuk memastikan harga pada kadar munasabah?**

Harga yang boleh kita kawal hanyalah Rumah Selangorku yang ditetapkan berdasarkan polisi. Rumah harga bebas di luar kawalan kami. Kita dapat ia sukar dikawal.



“

**Kita percaya dengan polisi Rumah Selangorku yang kita buat sekarang memberikan ruang selesa kepada pemaju kerana harga rumah dari RM42,000 hingga RM250,000 mengikut jenis A,B,C dan D**

**NORZATON AINI**  
Pengarah Eksekutif LPHS

Atas unsur kekangan Bank Negara, kita nampak ada sedikit penurunan harga rumah tetapi tidak banyak, sekitar bawah lima peratus.

Kita hanya ada kuasa untuk Rumah Selangorku sahaja, tidak pada rumah kawalan bebas kerana mereka mengikut harga pasaran.

Di Singapura mudah kerana 80 peratus tanah milik kerajaan

di bawah Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB). Mereka merekodkan nama pembeli. Di Malaysia, kita tidak boleh kawal al.

LPHS hanya kawal Rumah Selangorku kerana senarai nama ada pada kita. Pembeli rumah kos rendah Jenis A, mereka boleh membeli Rumah Selangorku yang lain selepas lima tahun.

Kementerian perumahan perlu mewujudkan satu mekanisme bagi memastikan pengawalan seseorang daripada membeli lebih banyak rumah.

Seorang satu rumah hanya untuk harga kawalan yakni Rumah Selangorku.

**Bagaimana LPHS menangani cabaran untuk mendapatkan tanah bagi projek perumahan untuk memenuhi permintaan pembeli?**

LPHS berhadapan masalah pemohon mahukan rumah berdekatan dengan tempat kerja. Masalah kita, permintaan di Lembah Klang hampir 32,000 di manakah tanah yang ada di Lembah Klang.

Tanah Kerajaan hampir tiada di Lembah Klang, yang ada tanah swasta. Kita ada pemaju yang membina rumah tidak jauh, sekitar 10 hingga 20 kilometer dan ia lebih besar serta selesa.

Selain mahukan rumah berdekatan, pembeli juga menghadapi masalah mendapatkan pinjaman. Kedudukan semasa yang kita tawarkan rumah sebanyak 3,069 pemohon.

Tapi ia tawaran berulang. Maksudnya satu unit kita tawarkan kepada tiga orang akibat penolakan.

LPHS memang mahukan membina Rumah Selangorku namun tidak dapat memenuhi kehendak majoriti. Kita tawarkan hampir lebih 50 peratus kepada bukan orang Selangor kerana mereka bekerja dan menetap lebih 15 tahun.

Atas prinsip keadilan dan pembangunan ekonomi negeri kita membantu mereka. Kalau hanya untuk anak Selangor kita (LPHS) sudah selesaikan masalah.

**Bagaimana statistik terkini projek rumah terbengkalai**

**dan apakah usaha bagi mengatasinya? Bagaimana pula Peruntukan melalui dana TEPAT RM20 juta, apakah ia membantu?**

Hampir 156 projek rumah terbengkalai yang ada. Ia terbahagi kepada dua yang terdiri daripada berlesen daripada KPPT dan tidak berlesen. Kebiasaannya projek tidak berlesen melibatkan Tanah Rizab Melayu, pembesaran kampung.

Jika berlesen, kita akan kerjasama dengan KPPT bagaimana untuk membantu mereka.

Urusan rumah terbengkalai adalah paling rumit. Pertama kita perlu mendapatkan liquidator dan pemaju penyelamat. Pemaju penyelamat mestilah syarikat yang berlandaskan keuntungan dan pulangan kepada mereka.

Dengan adanya tabung TEPAT, kita berunding dengan pemaju penyelamat bagaimana dapat membaik pulih. Kita perlu tahu bank yang memberikan pinjaman beserta jumlah yang telah diberikan serta unit rumah kosong atau sudah dijual.

Apabila dapat pengisyian daripada KPPT bahawa projek itu sudah terbengkalai, kita akan hantar surat kepada bank untuk mereka membantu menangguhkan pembayaran servis pinjaman (loan service) untuk satu tempoh.

Kita berbincang dengan GLC secara usahasama untuk menyelamatkan projek terbengkalai.

Ada konsep pembeli tidak perlu membayar langsung. Ada

konsep pembeli perlu membuat bayaran tambahan. Kita lebih menjurus kepada pembeli tidak perlu membayar langsung sebab tidak mahu pembeli terbebani.

**Apa penyebab utama kegagalan pemaju menyiapkan projek?**

Kawasan tidak sesuai, jauh dan tiada market survey. Kos infrastruktur tidak dimasukkan seperti kos jalan, kos tenaga kos pembentangan dan reservo untuk simpanan air. Kos rumah bina sahaja dimasukkan.

Kegagalan pengurusan syarikat juga menjadi faktor projek terbengkalai.

Sekarang kita minta pemaju berdaftar dengan LPHS. Bila daftar bagi jadual kerja, pihak saya akan turun ke lapangan untuk meninjau mengikut jadual yang ditetapkan. Kita buat sebegini bagi mengurangkan risiko rumah terbengkalai.

Selain itu ia bagi mengurangkan risiko penyakit dan ketidak selesaan penduduk sekeliling.

**Bagaimakah LPHS menggalakkan pemaju menggunakan teknologi terkini dalam pembinaan rumah khususnya teknologi pasang siap dan material lebih berkualiti dan lasak, sistem penuaian hujan dan teknologi solar?**

Kita memang sangat menggalakkan. Rumah pasang siap sekarang lebih cantik berbanding dahulu. Dahulunya lebih berbentuk kotak tetapi

sekarang lebih ceria dengan teknologi. Memang banyak pemaju seperti Setia Alam namun kita tidak memberikan mereka imbuhan.

Dengan projek pasang siap, ia menjimatkan masa. Satu projek dalam tempoh tiga tahun boleh jadi kepada dua tahun dan pekerja dapat dikurangkan.

Kita akan kaji perkara ini. Sekarang ini tumpuan kita untuk memastikan rumah cukup. Apabila mencapai sasaran sehingga 70 peratus baru kita akan melangkah setapak lagi.

**Bagaimakah LPHS melihat kerancakan projek perumahan di Selangor bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat? Apakah unjuran terhadap permintaan rumah lima hingga 10 tahun akan datang?**

Kalau kita tengok senario hari ini, unjuran kita dalam lima tahun akan datang seperti di Lembah Klang hanya sekitar 20 hingga 30 peratus sahaja kerana ruang ekonomi mantap dan tidak boleh diubah melainkan kita membuat perbandaran semula.

Perbandaran semula ber maksud kerajaan mengambil rumah lama dan memberi sedikit pampasan kemudian dibangunkan semula. Kalau kawasan baru seperti Shah Alam 2 misalnya unjuran kita sekitar 40 hingga 50 peratus.

Pokok utama adalah pembangunan ekonomi. Kalau tiada orang tidak akan berminat un-

tuk membeli. Kita menggalakkan Rumah Selangorku dibina di Hulu Selangor tetapi perlu ada pembangunan ekonomi.

Kawasan berkenaan sebenarnya banyak rumah, tetapi kurang orang membeli kerana tiada kerancakan ekonomi dan kurang infrastruktur pengangkutan awam. Kita cadangkan supaya projek LRT atau MRT dibina di kawasan luar Lembah Klang hingga ke Hulu Selangor.

Mungkin keuntungan itu tidak nyata sekarang tetapi selepas 10 tahun dengan adanya pengangkutan awam radius 400 meter akan naik.

Tumpuan kita bukan sahaja di Lembah Klang serta sekelilingnya tetapi juga untuk luar Lembah Klang.

Kalau kita tengok negara luar seperti Jepun, mereka sanggup menempuh perjalanan selama sejam menaiki pengangkutan awam.

Kita syorkan ia dibawa ke kawasan seperti Hulu Selangor dan Sepang supaya dibangunkan lebih baik.

**Menyentuh soal teknologi hijau, bagaimana LPHS menggalakkan pemaju mempraktikkan perkembangan teknologi ini?**

Kita sedang kaji bentuk pelepasan yang boleh LPHS bantu bagi menggalakkan teknologi hijau dilaksanakan di Rumah Mampu Milik seperti yang ditawarkan pada rumah harga bebas.

Kita sedang mengkaji apa-ka kos yang mungkin menjadikan pemaju dalam pembinaan Rumah Selangorku. Seperti makanan organik, haranya memang mahal tetapi untuk jangka panjang ia membawa pulangan baik kepada kita.

Kita memang menggalakkan tetapi kita tidak menyediakan insentif untuk mereka.

Rumah Mampu Milik ini sehingga RM8,000 nilai isi rumah. Kita tidak mahu mereka dibebani bayar kos penyelenggaraan. Ini semua termasuk dalam kajian kita.

Kita tidak mahu bebankan pembeli misalnya kalau kos penyenggaraan biasa sekitar RM100 tapi dengan teknologi hijau mungkin kosnya RM300.

Contoh, rumah Jenis A (kos rendah) misalnya penyelenggaraan sekitar RM80 dan jika bernasib baik peratusan untuk yang membayar boleh dapat sekitar 60 peratus.

Penjagaan penyelenggaraan penting dan kita memberikan kesedaran menerusi pendidikan kepada masyarakat di peringkat sekolah dan banyak rumah serata.

**Orang awam membuat rungutan berhubung sistem online LPHS sesak untuk dmasuki. Bagaimana ia diatasi?**

Pada permulaan kita lancarkan di Sime Darby pada 2014 memang bermasalah kerana kita tidak menyangka sambutan yang diterima. Selepas kita mengenalpasti masalah, unit ICT menyelesaikan perkara itu.

**Bagaimakah peluang Orang Kelainan Upaya (OKU) mendapatkan rumah?**

Kita memang wajibkan pemaju memperuntuk unit rumah untuk mereka sekurang-kurangnya lima peratus dalam sesebuah projek termasuk reka bentuk khas yang mesra OKU terutama tandas.

Mengenai data statistik sukar untuk kita berikan kerana ada OKU yang berdaftar di kawasan lain tetapi bekerja di kawasan lain.

Kita tidak akan pinggirkan sepi. Semua rakyat di Selangor layak mendapat Rumah Mampu Milik.

Kita memperuntuk kuota khas penjawat awam tidak kira persekutuan atau negeri sebanyak 30 peratus dan 20 peratus bagi golongan bujang. Pasangan yang baru berkahwin juga digalakkan untuk mendaftar.

**Apakah harapan LPHS bagi realisasi impian rakyat Selangor memiliki rumah sendiri?**

Keutamaan kami adalah menyediakan rumah tetapi memerlukan kerjasama daripada pemaju, tidak kira anak syarikat maupun swasta kerana mereka mempunyai tanggungjawab sosial.

Apabila dapat menyediakan rumah, kita berharap mereka mendapat bantuan pinjaman perumahan. Kerajaan Negeri ada menyediakan Dana-Sel tetapi keutamaan hanya untuk rumah berharga RM42,000.

Saya yakin sasaran yang ditetapkan Menteri Besar dapat kita capai dan menjelang tahun 2018-2020, rumah ini dapat diserahkan kepada pembeli yang berkelayakan.

Sekiranya pemaju memberikan kerjasama saya yakin Rumah Selangorku ini dapat kita realisasikan.



Projek Rumah Selangorku dilaksanakan bagi membantu rakyat memiliki kediaman sendiri

# PKNS bina 103 projek perumahan

OLEH NURUL FARINA  
NAZLAN

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor merancang pembinaan 103 projek perumahan membabitkan 17,520 unit rumah dalam masa terdekat, kata Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah.

Beliau berkata, PKNS juga akan membelanjakan RM100.5 juta untuk program tanggung-jawab sosial korporat (CSR) dan RM29.2 juta bagi pembangunan usahawan.

"PKNS turut mengemukakan beberapa cadangan pembangunan terhadap tanah milik agensi berkaitan kerajaan (GLC) negeri lain.

"Sehingga kini, PKNS sudah menjalin kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk

memajukan tapak seluas 10 ekar di U5 Subang Bistari dengan volum jualan kumpulan (GSV) RM1.2 bilion," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Pada masa sama, Azlan berkata, PKNS turut menggariskan Pelan Perancangan Strategik dalam usaha memastikannya terus ke hadapan dalam meraih pertumbuhan sosio ekonomi.

"Lapan teras utama yang digariskan dalam pelan itu adalah PKNS sebagai jenama yang diyakini dan dekat dihati pelanggan, memudahkan pemilikan harta untuk keseimbangan sosio ekonomi, mengoptima perolehan dan keuntungan serta menceburi bisnes baru.

"Selain itu, PKNS turut memperkasa tadbir urus dan pemantapan rohani, menyediakan suasana kerja cemerlang



melalui proses kerja berintegriti, melahirkan generasi usahawan berjaya serta warga kerja yang profesional, kompeten dan jati diri tinggi," katanya.

## Cassia kutip jualan RM19.5 juta

**SHAH ALAM** - Projek berprestij terbaru Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Cassia berjaya mengutip jualan RM19.5 juta dalam tempoh seminggu sejak pelancarannya, pada 14 Jun lalu.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim, berkata projek rumah 54 unit eksklusif 'semi detached' itu terletak di Antara Gapi, Rawang dengan keluasan lot 40x80 dan luas binaan dari 2,375 kaki persegi (kps) hingga 2,637 kps yang dijual bermula RM681,000 hingga RM795,000.

Katanya, reka bentuk rumah itu berkonsep kontemporer moden memenuhi citarasa semasa, manakala rekaan pelan yang kemas serta praktikal bagi memastikan pengaliran udara dan cahaya di dalam rumah.

"Susun atur ruang yang terbuka dan luas adalah ciri utama diterapkan dalam reka bentuknya bagi meningkatkan keselesaan serta memberi kemudahan kepada penghuni.

"Pembeli masih menaruh keyakinan terhadap projek hartaan dibangunkan PKNS. Salah satu faktor merangsang penjualan hartaan milik PKNS adalah konsep bina dan jual yang berjaya mencuri hati pembeli," katanya dalam kenyataan.

Ishak berkata, pihaknya juga memahami kehendak pembeli yang mahu segera memasuki kediaman selain mengelak risiko projek terbengkalai.


"Setakat ini, projek PKNS tidak ada terbengkalai dan masih mengekalkan rekod yang baik.

"Kami mendapati orang ra-

**Pembeli masih menaruh keyakinan terhadap projek hartaan dibangunkan PKNS. Salah satu faktor merangsang penjualan hartaan milik PKNS adalah konsep bina dan jual yang berjaya mencuri hati pembeli**

**ISHAK HASHIM**  
Pengurus Perhubungan Awam PKNS

mai yakin dengan konsep bina dan jual ini. Ia amat membantu jualan hartaan milik PKNS," katanya.



## MDSB peroleh 79% kutipan hasil

**SABAK BERNAM** - Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) memperoleh kutipan hasil RM5.7 juta sehingga Mei lalu.

Walaupun suku tahun kedua belum berakhir, Pegawai Daerah Sabak Bernam, Mohd Khairuddin Md Som, berkata jumlah itu mencapai 79.16 peratus berbanding kutipan hasil keseluruhan bagi 2014.

"Daripada aspek kutipan hasil, RM7.2 juta dikutip Pejabat Tanah dan MDSB pada 2014 manakala RM5.7 juta dikutip hingga Mei lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya di Masjid Al-Huda, Parit 13, Sungai Panjang, 24 Jun lalu.

Mengenai aspek pembangunan, Mohd Khairuddin berkata, pelbagai projek turut dijalankan membabitkan kepentingan rakyat yang menelan kos jutaan ringgit.

Antaranya ialah projek penyelenggaraan dan naik taraf jalan, pembinaan Klinik Kesihatan 3, menaik taraf Maahad Tahfiz dan Turoth, pembinaan Masjid Padu Permai dan pembakaian tebing Water Front Pekan Sabak.

## RANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI SABAK BERNAM

PROJEK	KOS	JANGKAAN SIAP
Projek penyelenggaraan dan naik taraf jalan	RM31.6 juta	Akhir 2015
Pembinaan Klinik Kesihatan 3	RM23 juta	Akhir 2015
Naik taraf Maahad Tahfiz dan Turoth, Bagan Terap	RM3.2 juta	Februari 2016
Pembinaan Masjid Padu Permai	RM8.3 juta	April 2016
Pembakaian tebing Water Front Pekan Sabak	RM5.9 juta	Awal 2016

Skandal MARA di Australia

# Guna syarikat berlapis beli harta tanah



**SUNGAI BESI** - Anak syarikat Majlis Amanah Raya (MARA), MARA Inc menggunakan syarikat berlapis dan pesisir luar pantai membabitkan pembelian dua harta tanah di Australia.

Pengarah National Oversight and Whistleblowers (NOW), Rafizi Ramli, berkata MARA Inc menubuhkan syarikat milik penuh di luar pesisir pantai yang didaftarkan di British Virgin Island (BVI) bagi dua harta tanah iaitu 746 Swanston Street dan Dudley International House.

Katanya, MARA Inc turut menggunakan tiga lapisan syarikat yang didaftarkan di negara berbeza iaitu Malaysia (Labuan), Singapura dan Australia untuk memiliki dua harta tanah lain membabitkan 333

Exhibition Street dan 51 Queen Street.

"Bagi 333 Exhibition Street, harta tanah ini dipegang melalui Powerwell Holdings Limited (daftar di Labuan) seterusnya dimiliki Carlton Garden Pte Ltd (Singapura) sebelum berpindah kepada Peters Equity Pty Ltd.

"Sementara itu, 51 Queen Street pula dipegang Vortex Holdings Limited (daftar di Labuan) yang kemudian dimiliki Marinn Property Pte Ltd (Singapura) sebelum diterajui Queville Pty Ltd.

"Pendaftaran di BVI bermakna segala maklumat kewangan dan operasi milik syarikat itu dilindungi sepenuhnya oleh kerajaan dan tidak termasuk dalam

carian umum," katanya pada sidang media, 29 Jun lalu.

Rafizi berkata, tindakan menggunakan syarikat berbeza bukan sahaja menimbulkan syak wasangka, bahkan menelan belanja pengurusan dan pentadbiran yang merugikan MARA.

Beliau turut mempersoalkan mengapa syarikat BVI, Labuan dan Singapura digunakan untuk membeli harta tanah itu kerana MARA Inc pemilik sebenar.

"Tan Sri Annuar Musa sendiri melawat harta tanah ini sambil diiringi Datuk Lan Allani dan diberikan maklumat sejak 2014.

"Mengapa tidak arahkan siasatan lebih awal bukannya selepas didedahkan akhbar Australia kerana beliau sudah sedia maklum," katanya.

## Ramai kecam kenaikan harga minyak

**KUALA LUMPUR** - Kenaikan harga minyak mendapat pelbagai reaksi negatif masyarakat yang menganggap kerajaan menyusahkan golongan berpendapatan rendah terutama menjelang Aidilfitri.

Beberapa pengguna dalam laman Facebook Berita Harian Online menyatakan rasa tidak

puas hati atas kenaikan itu, namun ada yang menyatakan sokongan secara sinis.

"PM kita baru je nak beramah mesra dengan rakyat kat bazar ramadan seluruh negara bagi melihat keperihatinannya kepada rakyat... tapi itu semua sandiwara semata-mata 'good pak jib,'" tulis Sharul Anuar.

Sementara itu, seorang lagi pengguna yang dikenali sebagai Adyie Rasid menyifatkan hak rakyat yang diambil kerajaan adalah haram dunia akhirat.

"Walau 1 sen yang kamu ambil dari hak kami. Tiada halal buat kamu. Kami haramkan dunia akhirat..." tulisnya.

## Jalankan siasatan terperinci

**KUALA LUMPUR** - Siasatan terperinci berhubung pendedahan rasuah oleh media Australia yang mengaitkan anak syarikat Majlis Amanah Raya (MARA), MARA Inc, perlu dijalankan segera.

Dalam satu kenyataan bersama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim, berkata ia berikutan dakwaan itu membabitkan penggubahan wang haram, rasuah dan pecah amanah membabitkan pihak atas MARA.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu segera memulakan siasatan ke atas skandal harta tanah ini termasuk semua urusniaga perniagaan berkaitan MARA Inc. Semua transaksi yang dijalankan syarikat terbabit perlu disiasat secara terperinci

“

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**  
perlu segera memulakan siasatan ke atas skandal harta tanah ini termasuk semua urusniaga perniagaan berkaitan MARA Inc. Semua transaksi yang dijalankan syarikat terbabit perlu disiasat secara terperinci

**ZAIRIL KHIR JOHARI**  
Ahli Parlimen Bukit Bendera

pemaju dan pegawai MARA.

"Sama seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan skandal kewangan lain yang melibatkan penggunaan dana awam, skandal MARA ini sekali lagi membuktikan ada asas tidak baik merentasi agensi kerajaan Malaysia.

"Jika SPM tidak bertindak bersungguh-sungguh dan tegas, kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan akan terus terhakis," katanya.

## Segala bukti sudah cukup

**SHAH ALAM** - PKR menyarankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan segera isu pembelian bangunan membabitkan MARA Incorporated Sdn Bhd di Melbourne, Australia.

Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul, berkata ia berikutan segala bukti yang ada sudah cukup bagi tindakan berkenaan.

"Tidak perlu berlengah lagi. Tak perlu bagi penubuhan suruhanjaya siasatan."

"Kerajaan Australia sudah menunjukkan segala bukti dan fakta dalam isu ini," katanya kepada Selangor Kini.

Johari berkata, tindakan lewat memungkinkan integriti badan berkuasa itu terus dipersoalkan umum.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak



**Johari Abdul**

bahawa kerajaan bersikap telus dan memberi kerjasama dalam siasatan itu juga dianggap bersifat ulangan seperti isu terdahulu.

"Telus ini sudah banyak kali kita dengar tetapi bagaimana siasatan dibuat?

"Maka, ia tidak perlu ditangguh lagi," katanya.



▲ Adun Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran mengedarkan kurma kepada peniaga di bazar Ramadan



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menziarahi dan memberi sumbangan kepada Yasin Md Som, 80, di Kampung Sungai Jernih yang terlantar sakit akibat patah tulang punggung



▲ Adun Kota Anggerik, Dr Yaacob Sapari bersama-sama komuniti India dalam program kebudayaan yang dijalankan di DUN itu.



▲ Adun Batu Caves, Amirudin Shari turut turun padang bersama peserta Jom Shopping Raya 2015 DUN Batu Caves bertempat di Giant Batu Caves. Sebanyak 500 baucer bernilai RM100 setiap satu disediakan oleh Kerajaan Selangor bagi setiap DUN untuk meringankan beban perbelanjaan mereka menjelang Syawal



▲ Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar melawat serta menyampaikan kurma di Balai Bomba Jalan Pantai Baru



▲ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin mengedarkan kurma kepada pengguna kemudahan awam di Stesen LRT Kelana Jaya



▲ Adun Sabak, Sallehen Mukhyi bersama antara 500 peserta di Program Jom Shopping yang diadakan di Pasaraya Sri Kassim, Sungai Besar bagi meraikan sambutan Aidil Fitri



▲ Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad mengedarkan kurma dan akhbar Selangor Kini di DUN itu semasa berkunjung ke bazar Ramadan



▲ Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman meraikan antara 600 peserta di Program Jom Shopping di Pasaraya Econsave

OLEH DAENG RAMLIAKIL

**S**yafiq Ghazali, pengarang cerpen berjudul *Bergelongsor* di Taman Tema Negara boleh sahaja tidak sependapat dengan saya.

Namun, disiplin kreatif dalam alam ini, sejak zaman Plato atau Aristotle kira-kira 2,000 tahun dahulu membenarkan tafsiran bebas dan tafsiran berpandu.

Tafsiran berpandu teori ciptaan ilmuan memang pelbagai dan impresionisme adalah aliran penting yang ada kaitan dengan simbolik atau pelambangan.

Menelusuri cerpen itu, ada beberapa frasa, klausula dan kalimat penting yang diguna pakai Syafiq iaitu Taman Tema Negara, seragam sekolah, menggelongsorkan tubuh, alur, disiram air dan habis basah.

Selain itu, bersimpang-siur, berpintal-pintal, tidak kelihatan hujungnya, Negeri Ajaib, tangga kecemasan bangunan, empat orang lelaki, si gemuk, gadis, rambut pixie, tapak tangan, senja, padang hijau, diri kita, raksasa dan terjaga.

Hakikatnya, dari sudut ilmu etimologi atau akar kata, setiap frasa, klausula dan kali-

## Konspirasi

Apakah yang benar?  
Lalu kitapun membuka kitab-kitab tua,  
mencari kebijaksanaan purba  
Pada setiap pesan kita kutip  
sisa-sia  
Seperti hering mencari sayapnya di balik  
tulang-tulang berserakan.

O kawan, mengapa tawarkan  
aku  
tasik yang tenang? yang ku  
perlu waktu ini  
adalah guntingan akbar,  
fragmen diari, pamflet koyak,  
poster renyuk dan mungkin  
juga sebuah  
ensiklopedia yang dimakan  
anai-anai

Apakah kita punya sabda yang  
lain. Yang menawarkan jalan  
lain  
ke syurga?

Orang kembali pada sajak,  
cuma  
untuk luka di keningnya.  
Orang  
kembali pada rumah, cuma  
untuk  
luka di kakinya.

Aziz Zabidi

## Ulasan cerpen Bergelongsor di Taman Tema Negara

# Antara simbolik dan realiti semasa

mat ada makna jati dan makna simbolik.

Secara simbolik, katakanlah sebagai titik tolak, negara kita, Malaysia disimbolik pada klausula Taman Tema Negara.

Nah, dari titik itu, kita boleh memahami bahawa kita berada dalam negara sendiri yang kelam-kabut.

Banyak kerosakan pelbagai bidang kehidupan seperti politik, pendidikan, ekonomi, agama, sukan, perfileman, sukan mahupun perundangan.

Kehidupan 'bergelongsor' atau berlalu dengan pantas dan dialami pelbagai peringkat usia rakyat, tidak terkecuali, pelajar sekolah.

Realitinya, kita mengalami tragedi kehilangan pesawat MH370, MH17 ditembak, skandal 1MDB dan Tabung Haji, bah besar di Kelantan, gempa bumi di Sabah, 16 kematian di Gunung Kinabalu, hilangnya kapal di perairan Johor.

Perasaan dalaman atau impresion diluah menerusi karya kesenian sastera seumpama cerpen menjadi indah.

Pada abad ke-17, Sejarah Melayu mengandungi kisah sejarah yang disastera dan mengandungi cerita bahawa orang Melayu bermula di Bukit Seguntang, Sumatera dan berketurunan Raja Iskandar Zulkarnain.

Lembu kenaikan raja muntahkan buih dan muncul lelaki yang dinamakan Bat. Kisah masuk ke dalam bumi, ke negeri dalam laut dan sebagainya adalah simbolik.

Simbolik tangga kecemasan bangunan merujuk keadaan 'saya' (watak dalam cerpen itu) boleh bermaksud berkeadaan kritikal atau berbahaya, namun masih boleh selamatkan diri.

Empat lelaki gemuk boleh merupakan menteri yang realitinya, memang hidup pun individu berkenaan yang hanya mementingkan rezeki untuk diri sendiri.

Dituduhnya pula sesat, terutama dirinya sendiri. Bijak sekali Syafiq bercerita untuk mengias.

Siapakah gadis cantik yang bergairing itu? Kita boleh merujuk duniawi yang bersifat indah, menggoda, bahaya, sekaligus mengajar manusia supaya kehadiran di dunia semata-mata untuk mencari diri sendiri.

Kata orang tua-tua - cari hakikat diri, apa-

OLEH SYAFIQ GHAZALI

Saya tak rasa bermain gelongsor air di dalam seragam sekola hadalah sesatu yang praktikal namun itulah yang dicadangkan oleh cikgu kepada kami sekutu lawatan ke Taman Tema Negara. Hendak tak hendak kami terpaksa mematuhiinya (kata-kata cikgu kami berdua).

Kami beratur menuju geliran dan saya lihat seorang demi seorang rakan saya menggelongsorkan tubuh mereka ke bawah; saya lihat juga seragam sekolah mereka basah lengur. Bila tiba geliran saya, entah kenapa, saya menutup mata. Membiarkan diri saya diteret mengikut alur gelongsor, saya dapat rasakan setiap inci tubuh saya habis basah di siram air yang puncanya entah dari mana.

Saya menggelongsor dan terus menggelongsor.

Kerana merasa terlalu lama menggelongsor, saya akhirnya membuka mata. Alangkah terkejutnya saya bila melihat gelongsor air ini bersimpang-siur, berpintal-pintal, dan tidak kelihatan hujungnya. Menuruni alurnya, saya merasa seperti Alice yang berputar-putar di udara sebelum mendarat di Negeri Ajaib. Saya kembali tutupkan mata, dan cuba

kutup dari atas sampai bawah, maksudnya.

kahnya. Dia membawa saya

Secara simbolik,  
katakanlah  
sebagai titik tolak,  
negara kita,  
Malaysia disimbolik  
pada klausula Taman  
Tema Negara

bila jumpa, akan kenal Allah. Dan, awaludin maqrifatullah atau awal agama, mengetahui Allah.

Mesej atau perutusan terpenting dalam cerpennya itu - cari hakikat diri sendiri, jangan sesat dan kita dijelaskan bahawa 'saya' 'diselamatkan' apabila Syafiq bercerita, kata-kata gadis cantik yang menjadi simbolik duniawi itu sudah tidak difahami.

Ertinya, 'saya' tidak terpedaya. Godaan duniawi gagal.


Mesej lain lebih bersifat iseng-iseng, antaranya, selamatkan diri sendiri, bijaksana bertindak, dan penutupnya, kita diperingatkannya, '...saya terus terjaga' bermakna, janganlah kita tidak menyedari apa-apa akan realiti semasa.

Atau, dengan kata lain, jangan terus alpa, leka atau tertidur dengan tidak peduli apa-apa. Hakikatnya, maksud peribahasa, api dalam sekam berbahaya fenomenanya, iaitu bahaya yang tidak disedari atau kurang dipeduli rakyat akan menjadi pemusnah bergergesi apabila statusnya bersifat puncak.

Misalnya, isu rakyat negara Afrika, China, Myanmar, Bangladesh, Indonesia, Nepal dan Vietnam boleh menjadi api dalam sekam. Demikian jugalah anasir ajaran sesat.

Cerpen

Selangorkini 12 - 19 Julai 2015 | 15



dari kita:  
‘Di mana diri kita?’ tanyanya,  
berkerut dahi.  
Hanya segaris senyumannya  
(sungguh manis) yang menjawab soalan itu.

Kami menyambung langkah, dan sepanjang masa itu dia diam. Saya tidak begitu kilah kerana saya sudah berpuas hati dapat berpimpin tangan dengan gadis cantik.

Kami akhirnya berhenti di depan sebuah premis makanan segera.

‘Di sini ada diri kita?’ Tanya saya.

Tanpa menjawab, dia masuk dan beratur untuk membuat pesanan. Sebelum megerokinya, saya terlebih dahulu mengiring ke arah kedi nasi kandar di sebelah kanan premis makanan segera. Terus saya terlur untuk menjamah nasi kandar.

Saya mendapatkan gadis tu dan cuba memberi tahuinya hasrat perut saya namun dia

Inilah mustahaknya karya sastera dalam bentuk cerita yang bukan bersifat romantis melulu atau gila babi ataupun picisan - walaupun karya popular lebih mendapat di ruang telemovie.

Karya sastera, baik cerpen, novel, puisi mahupun skrip berpengaruh dalam dunia pendidikan.

Tidak hairanlah, penjahah Inggeris memilih novella Robinson Crusoe, Gulliver's Travel, Tom Sawyer, 39 Steps, Three Musketeers, Hunchback from Notre Dame dan sebagainya ke Tanah Melayu yang dijadikan teks persekolahan.

Cerita sastera indah dan boleh menyentuh kalbu dan minda. Dengan itu, ingatan kekal jauh lebih lama berbanding karya lain termasuk berunsur agama.

Ertinya, pendidikan kerohanian sangat berpengaruh.

Tidak hairan jika dari dekad 1950-an hingga kini, minda kita masih disuap dengan filem Hollywood yang dihasilkan sasterawan, antaranya Ben Hur, Ten Commandment, Spartacus, Romeo and Juliet, Hamlet, Macbeth, Save Haven dan sebagainya.

Rakyat masih menunggu-nunggu karya sastera penting berdasarkan kehidupan saudara Islam kita - Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohamed Azmin Ali atau 'Correct, Correct, Correct', tragedi Altantuya, skandal 1MDB,

Atau, apakah dunia sasterawan kini sudah dicerobohi manusia pura-pura?

OLEH HAIZIR OTHMAN

R osdi memasuki gerabak kereta api tanpa penumpang itu sebelum terfikir untuk melihat ke dalam ruang pemandu lalu dia bergerak menuju ke sana. Semakin Rosdi berjalan, rasa ingin tahuinya semakin tebal. Adakah di sana juga kosong? Untuk apa juga kemungkinan di hadapan, Rosdi kini bersedia. Meski bulu romanya sudah setegak pembaris.

Di depan pintu yang memisahkan Rosdi dengan ruang pemandu, tiba-tiba satu ingatan datang menerpa fikirannya dengan laju. Ia adalah satu peristiwa yang pernah Rosdi dengar dan lihat sendiri dengan mata kepala kira-kira dua puluh tahun yang lalu, sewaktu Rosdi masih kecil. Peristiwa yang berlaku kepada salah seorang kanak-kanak sebaya Rosdi di kampung pada waktu itu, sebenarnya telah ditanggapi oleh Rosdi dan orang-orang kampung sebagai satu kepelikan yang jarang-jarang berlaku. Ceritanya begini:

Budak itu bernama Isa. Dia budak biasa yang suka merayau sekitar kampung mencari apa-apa yang dapat memuaskan naluri suka bermainnya. Jika ternampak pokok duku yang berbuah lebat, Isa akan memanjatnya tanpa ragu-ragu untuk memetik beberapa tangkai sebelum duduk berasah di bawah pokok, menikmati hasil petikannya dari pokok orang itu. Isa terkenal cergas dan kasar. Kalau bermain bola dengannya, kita akan berasa menyesal kalau berada dalam kumpulan yang melawannya, kerana biasanya kumpulan lawan Isa akan kalah. Selain kehandalannya berlari dan kekuatan sepakkannya, Isa kuat menjerit memaki hamun lawan dengan kata-kata yang tidak sedap didengar. Sebagai budak yang pernah melawan Isa dalam satu permainan bola sepak, Rosdi merasai sendiri pengalaman ini apabila dia disepak dari belakang oleh Isa dan jatuh tersungkur. Perlawanan itu dimenangi kumpulan Isa.

Sehinggalah pada satu senja apabila orang kampung digemparkan dengan kehilangan Isa. Isa dikatakan berjalan-jalan seorang diri di tepi jalan kampung menyusur parit. Menurut Leha Cantik, budak perempuan berusia dua belas tahun yang tinggal di hujung kampung, dia melihat dengan matanya sendiri Isa menaiki sebuah kereta berwarna hitam yang berhenti di



tepi jalan untuk mengambilnya. Sejurus Isa naik, kereta itu meluncur laju membelah jalan sehingga hilang dari pandangan. Perkara yang lebih mengejutkan sebenarnya bukanlah insiden tersebut kerana kejutan sebenar hanya muncul pada malam itu, apabila Isa telah ditemui. Isa ditemui dalam keadaan lemah di tepi parit berhampiran tempat dia menaiki kereta hitam itu petang sebelumnya. Apabila Isa dibawa pulang ke rumah, dia kelihatan seman, seperti tidak betul dan tidak dapat mengingat apa yang berlaku kepadanya. Disinilah perkara yang mengejutkan berlaku iaitu apabila ibunya menanggalkan seluar pendek Isa yang kotor untuk ditukar, ibunya mendapati pada kemaluan Isa terdapat sehelai daun sirih yang berlipat. Dan yang lebih mengejutkan ialah di sebalik daun itu ialah kemaluan anaknya yang telah pun disunatkan. Walhal, dia tidak pernah menghantar Isa bersunat.

Berita Isa diambil bunian menaiki kereta dan disunatkan tersebar dengan cepat ke seluruh kampung. Isa bukan lagi Isa yang dulunya kasar dan lasak selepas peristiwa itu. Dia bertukar menjadi budak yang pasif. Budak-budak yang dibulinya dulu telah berani membulinya kembali selepas melihatnya begitu. Su-

**Berita Isa diambil bunian menaiki kereta dan disunatkan tersebar dengan cepat ke seluruh kampung. Isa bukan lagi Isa yang dulunya kasar dan lasak selepas peristiwa itu. Dia bertukar menjadi budak yang pasif**

dah tentu keadaan begitu merisaukan ibu bapa Isa. Dibuli bukanlah yang paling merisaukan mereka tetapi pelakuan baru Isa yang mula gemar duduk bersendirian dan bercakap-cakap dengan entah siapa yang tak dapat dilihat oleh sesiapa.

Selepas dua puluh tahun dan berhijrah ke bandar, perihal Isa tidak lagi diambil tahu oleh Rosdi. Adapun akan teringatnya Rosdi dengan peristiwa itu adalah kerana dia berasa dia juga kini sedang ditimpah peristiwa yang sama. Rosdi tiba-tiba berasa dia telah menaiki kereta api bunian berwarna hitam se-

perti Isa dua puluh tahun dulu yang menaiki kereta bunian berwarna hitam. Serentak dengan ingatan yang menerpa itu, Rosdi ditimpa perasaan takut yang bertalu-talu. Dia mula menyelal menaiki kereta api yang memang sejak dari awal lagi sudah kelihatan pelik dan mencurigakan itu. Dia juga berasa telah ditimpah nasib malang sejak dari awal pagi bermula dengan dibuli teruk-teruk oleh penyelianya di stor. Apakah yang akan berlaku kepadanya sekarang?

"Rosdi!"  
Ah, siapa pula yang memanggil Rosdi? Bukankah tiada siapa-siapa di sini?

Rosdi menoleh ke belakang sebelum rasa takutnya melonjak tinggi. Di depannya adalah seorang budak lelaki berkulit gelap dalam lingkungan usia sepuluh-sebelas tahun sedang bercekak pinggang. Berseluuar pendek, tidak berbaju, budak itu merenung tepat ke mata Rosdi dengan pandangan tajam, dari matanya yang kemerah-merahan.

Dalam ketakutan, fikiran Rosdi sempat terganggu dengan ingatan dari masa lampau selepas budak itu meleraikan cekak ping-

gangnya, sebelum memasukkan tangannya ke dalam seluar, menyeluk sesuatu. Apabila budak itu mengeluarkan sehelai daun sirih yang berlipat dari seluarnya, Rosdi menjerit,

"Ahhh, Isa?"

"Isa" tersenyum sebelum ketawa kecil. Betullah budak ini Isa.

Berada dalam kereta api tanpa penumpang, bertemu Isa sewaktu kanak-kanak, Rosdi fikir dia sudah berada di luar dimensi manusia biasa. Barangkali betullah dia sudah berada dalam wilayah bunian.

Tapi, jika Rosdi fikir itu adalah situasi paling buruk, dia silap. Tanpa disangkanya, dari gerabak belakang muncul beberapa orang lelaki berpakaian serba hitam membawa sesuatu dalam bakul yang mereka jinjing. Di dalamnya adalah beberapa helai daun sirih. Dan sebilah pisau yang biasa digunakan tok mudim di kampung.

Rosdi ingin lari keluar. Tapi tangan dan kemaluannya telah dicekak Isa.

**Glosari**  
*Seman* : hilang ingatan

  
Kirim cerpen dan puisi kepada [seniselangor@gmail.com](mailto:seniselangor@gmail.com) untuk disiar di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

Jelajah Singgah Sahur untuk memasyarakat zakat

# Terjah sahur santuni asnaf

OLEH SYASYA SUFIAN

Rumah usang bukanlah penghalang untuk menyambut Ramadan.

Walaupun disambut dengan serba kekurangan tetapi ganjaran di akhirat tidak mengira siapa atau bagaimana rumah mereka pada padangan manusia.

Pada bulan mulia inilah, Allah menggandakan pahala buat orang-orang yang berpuasa dan beribadah melebihi di bulan lain.

Begitu juga Jailani Hanafiah, 51, yang tetap menyambut Ramadan walau hidup dalam keadaan serba kekurangan di rumah yang tiada jaminan keselamatan buat diri dan keluarga.

Struktur yang seakan-akan rumah separa siap, pintu rumah dan tingkap yang hanya berpagar langsur serta dinding dan bumbung yang lopong, menjadi tempah berteduh Jailani dan keluarga.

Tiada sofa empuk, tiada katil untuk istirehat. Hanya berlapik tikar di simen yang dingin. Begitu Jailani dan keluarga sejak mendiami rumah itu sejak 40 tahun lalu.

Tak siapa yang tidak akan sayu memikirkan bagaimana keselamatan mereka dengan siang dan malam tanpa pintu, tanpa tingkap dan tanpa pagar yang boleh dikunci.

Tetapi itulah yang dilalui berhari-hari oleh keluarga Jailani.

Bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan gaji RM1,300, beliau menanggung empat anak bersama isteri, seorang suri rumah di Jalan Gajah 18, Kampung Kubu Gajah.

Anak sulungnya, Abdul Raman, 26, sudah mendirikan rumah tangga dan tinggal berseléhan, juga bekerja sebagai pengawal keselamatan.

"Kami menyambut Ramadan sekadar termampu untuk bersahur dan berbuka bersama anak menantu. Itu sudah cukup memadai.

Sudahlah begitu, isterinya, Zurina Hamdan, 47, hampir tiga bulan tidak boleh berjalan maupun menguruskan hal rumah tangga berikutan mengidap kencing manis.

"Selepas menjalani rawatan, saya hanya mampu baring sepanjang tiga bulan. Kini, Alhamdulillah saya kembali boleh berjalan sedikit untuk menyiapkan juadah sahur.

"Anak kedua, Muhammad Arif berusia 20 tahun banyak meringankan beban keluarga dalam perbelanjaan harian dan persekolahan adik-adiknya," kata Zurina, sebak.

Justeru, ketibaan mengejut Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada jam 4.30 pagi menggembirakan mereka sekeluarga, dapatlah menjamah nasi berlauk

yang jarang-jarang dinikmati mereka.

Selain terkejut, kesayuan terpapar pada wajah Jailani dan keluarga saat menerima sumbangan itu. Walau sedikit tetapi rasa kesyukuran terkesan di riak mereka.

Keluarga mereka antara enam rumah singgahan LZS untuk memberi sumbangan dan juadah bersahur melalui Terjah Singgah Sahur.

"Sejak lima tahun lalu, saya menerima bantuan zakat. Saya mulakan sedikit demi sedikit duit untuk membaiki rumah yang asalnya rumah kayu tetapi dimakan anai-anai.

"Tapi untuk siap sepenuh-



nya, tak dapat anggaran kerana bila ada duit, barulah buat ubah suai," katanya.

Rumah terakhir yang dikunjungi LZS ialah kediaman Mohd Badrun Sadri berusia 47 tahun.

Beliau sedang sibuk menyiapkan juadah sahur ketika LZS tiba dan menyambut kehadiran kami hati terbuka disulami gelak tawa yang memecah kesayuan hati menyaksikan kedai-fan rumahnya.

Menanggung lapan anak manakala seorang sudah berumah tangga, Mohd Badrun bersyukur dan berterima atas kunjungan dan sumbangan juadah sahur.

Pengurus LZS Petaling, Zulkepli Mad Yatim menyifatkan jelajah itu dapat memasyarakatkan zakat dan merapatkan hubungan silaturahim.

"Melalui program ini, kita turut sama merasai kesusahan mereka yang mungkin tidak ada juadah bersahur," katanya.

**Melalui program ini, kita turut sama merasai kesusahan mereka yang mungkin tidak ada juadah bersahur**

**ZULKEPLI MAD YATIM**  
Pengurus LZS Petaling

kepada Selangor Kini, di sini, hari ini.

Kegembiraan bagi Zulkepli apabila melihat reaksi teruja golongan asnaf ketika rombongan itu tiba dengan membawa juadah sahur dan sumbangan lain.

"Kita dapat melihat keadaan sebenar asnaf dan kemudian LZS akan mempertingkat bantuan dalam menyantuni mereka," katanya.





OLEH NAEEM RAFFI

FOMCA dedah taktik jualan raya

**P**ENGUNA yang bijak tidak akan memilih berhutang sebagai kaedah terbaik dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Apatah lagi menggunakan sepenuhnya gaji semasa yang akhirnya komitmen asas seperti utiliti, ansuran rumah atau kenderaan tertunggak.

Begitu juga memilih saluran bantuan kewangan seperti kad kredit sebagai talian hayat menampung perbelanjaan dan akhirnya memberi kesan kepada kewangan bulan berikutnya.

Perancangan awal dan budaya menabung mampu membantu pengguna berdepan dengan situasi sebegini.

"Setiap tahun, kita memerlukan banyak wang untuk itu dan ini. Tetapi sebahagian besar daripada kita tidak ada simpanan ke arah itu."

"Belajarlah dari kesilapan, rancang perbelanjaan dan berbelanja secara berhemah dengan membuat penilaian berdasarkan pendapatan dan tabungan," kata Pengarah Komunikasi Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman.

#### Masa Untuk Berubah

Lebaran kali ini disambut dalam suasana ekonomi getir.

Keluar ke gedung pakaian maupun ke bazar mencari juadah, sana sini, kiri kanan, depan belakang, semuanya serba mahal kecuali pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Pengguna tidak mampu lari dari senario ini. Cekalkan hati dan berubahlah agar kesan kenaikan harga dapat diminimum untuk kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

Buanglah tradisi raya semua benda perlu diganti sehingga terpaksa

# Kemeriah tak perlukan pembaziran



Mohd Yusof Abdul Rahman

berbelanja lebih dari kemampuan sebelum terjerat hutang.

"Sudah tiba masanya pengguna mengikis tradisi menyambut Aidilfitri dengan pakaian dan lengkap rumah serba baru.

"Bagi yang pendapatannya terhad, memadai memakai pakaian raya tahun lalu jika masih dalam keadaan baik," kata Yusuf.

#### Beringat sebelum kena

Menghampiri musim perayaan, pusat membeli belah mengajurkan karnival jualan murah. Peluang baik untuk pengguna mendapatkan barang keperluan pada harga berpatutan.

Tetapi, berhati-hatilah dengan strategi pemasaran sedemikian

kerana sebahagiannya tidak lebih daripada gimik semata-mata.

Gimik bertujuan menarik pengguna datang walhal harga barang yang ditawarkan setelah diskaun tidak berbaloi untuk pengguna.

"Ada pusat membeli belah me-naikkan harga barang terlebih dahulu dan setelah ditawar di-

kaun setinggi 70 peratus, harga-nya sama atau kurang sedikit dari harga asal.

"Dalam situasi itu, pengguna perlu bijak merancang dan ra-sional dalam berbelanja," katanya.

Biarpun berjimat, percayalah kita tetap merai sambutan Aidilfitri dengan penuh kemeriah-an.

**BERKAT...**

**DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 648 penerima pada 24 Jun lalu. Penyampaian di Masjid Al-Huda, Parit 13, Sungai Panjang itu melibatkan 17 fakir, 273 miskin, 200 saudara bahu dan 148 anak yatim sekitar sini. Ia bersempena Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya peringkat Sabak Bernam.**



# Syarikat sendiri agih zakat

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Syarikat yang mengeluarkan zakat di Selangor dengan nilai lebih RM50,000 boleh menuntut semula tiga perlapan (3/8) daripada jumlah itu.

Pengurus Pengurusan Perhubungan Pengeluar Zakat Selangor, Shamshuri Ashaari, berkata syarikat yang layak perlu membuat permohonan di Lzs

dan mematuhi beberapa syarat.

Kepada Selangorkini, beliau berkata, setiap agihan perlu disertai laporan sebagai bukti untuk memastikan ia benar-benar sampai kepada sasaran.

"Proses agihan boleh dimulakan untuk kita memberi peluang kepada pelanggan (syarikat) merasai mengagih zakat sendiri. Syarikat perlu hantar laporan sebulan selepas agihan selesai."

Shamshuri berkata, zakat perlu diagih kepada lima asnaf iaitu fakir dan miskin, mualaf, gharimin dan fisabilillah dengan sekurang-kurangnya satu pertiga kepada fakir dan miskin.

"Tidak boleh diserah kepada satu kelompok sahaja. Penerima zakat akan dicari sendiri oleh syarikat, malah ia boleh diagih ke luar Selangor," katanya.

“

**Proses agihan boleh dimulakan untuk kita memberi peluang kepada pelanggan (syarikat) merasai mengagih zakat sendiri.**

**Syarikat perlu hantar laporan sebulan selepas agihan selesai**

**SHAMSHURI ASHAARI**  
Pengurus Pengurusan Perhubungan Pengeluar Zakat Selangor

## Zakat perniagaan TNB RM4 juta

Lzs menerima zakat perniagaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM4,148,035.35 bagi tahun kewangan 2014.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat itu daripada Pengurus Besar TNB Selangor, Datuk Ir Mohd Azim Datuk Yusof.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi dan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa.

## Tiga ditangkap tak puasa

**PENANGKAPAN** individu tidak berpuasa tahun ini menurun berikutan hanya tiga individu ditahan penguat kuasa JAIS sehingga 26 Jun lalu.

Mengikut statistik, sebanyak 37 penangkapan direkod pada 2014 dan 39 kes sepanjang 2013.

Ia kesalahan mengikut Seksyen 19 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 kerana tidak menghormati Ramadan.

Pengarah, Datuk Haris Kasim, berkata penahanan melalui Operasi Tidak Menghormati Bulan Ramadan (OPTIMER) itu bagi mentarbiah umat Islam supaya memahami keistimewaan Ramadan.

## Lzs terima zakat perniagaan RM5.11 juta

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (Lzs) menerima zakat perniagaan RM5.11 juta dari 54 syarikat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Prolintas Expressway Sdn Bhd mendahului senarai iaitu RM815,000, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (RM726,720) dan QSR (M) Holdings Sdn Bhd (RM642,627).

MTD Prime Sdn Bhd mengeluarkan zakat RM541,000, Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn Bhd (RM520,061), KPJ Healthcare Berhad (RM343,223) dan Kumpulan Rahman Brothers Sdn Bhd dan Turnpike Synergy Sdn Bhd masing-masing RM200,000.

Lzs juga mengagih bantuan zakat RM2.7 juta kepada sekolah yang terlibat dengan Program Sekolah Angkat (PROSA) selenggaraan Jabatan Pendidikan Selangor.

Pemberian itu bagi membantu anak asraf fakir dan miskin meneruskan pembelajaran di sekolah terbabit.

Majlis disempurnakan Pengerusi Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa. Hadir sama Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid dan Ketua Pegawai Eksekutif Lzs, Husin Mohd Ali.



Menang saman Kerajaan Persekutuan RM300,000

# Guru hamil perjuang hak



Noorfadilla (kanan) memperjuangkan haknya di mahkamah

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Pengalaman diberhenti kerja kerana hamil meninggalkan trauma kepada bekas Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), Noorfadilla Ahmad Saikin.

Noorfadilla, 32, yang kini mengusahakan perniagaan pastri atas talian berkata, cubaan mendapatkan pekerjaan selepas kejadian itu juga tidak manis.

"Saya fobia, diskriminasi itu berlaku di mana-mana. Wanita sering ditanya berkenaan status perancangan untuk dapat anak dan sewaktu dengannya.

"Bukan saya sahaja, rakan wanita lain turut mengalami situasi sama. Saya serik," kata ibu kepada empat anak kepada Selangor Kini.

Tanggal 30 Jun lalu genap enam tahun usia anak yang dikandungnya ketika diberhenti kerja pada 2008.

Terdahulu, Noorfadilla meng-

hadiri perbicaraan kes rayuan Kerajaan Persekutuan untuk tidak membayar ganti rugi terhadapnya di Mahkamah Tinggi Shah Alam, 30 Jun lalu.

Pada November 2014, mahkamah sama memutuskan Noorfadilla menang RM300,000 membabitkan pampasan daripada pihak kerajaan.

Pada Mei 2010, Noorfadilla menerusi peguamnya memfail saman pemula selepas pelantikannya sebagai guru sandaran tidak terlatih ditarik balik apabila beliau mengaku hamil.

Beliau menamakan tiga Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Langat, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Menteri Pelajaran Malaysia dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan.

Berdasarkan afidavit, Noorfadilla menghadiri temu duga jawatan itu pada 12 Januari 2009 hingga mendapat tawaran melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Beliau kemudian diminta ha-

dir untuk mendapatkan memo penempatan sekolah dan ditugaskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang dengan gaji RM1,500 sebulan.

Bagaimanapun, ia ditarik serta-merta dengan alasan wanita mengandung tidak boleh dilantik menjadi guru sandaran.

Kes itu kemudian dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Hakim Zaleha Yusof pada Julai 2011 yang memutuskan Noorfadilla berhak mendapat jawatan itu.

Noorfadilla berkata, tindakannya turun naik mahkamah demi memperjuang hak wanita secara hakiki.

"Selama ini dilaungkan wanita dilayan sama seperti lelaki. Hakikatnya, diskriminasi gender berlaku meluas dalam sektor pekerjaan termasuk soal pemakaian, status dan hal anak."

"Diharap wanita luar sana lebih tahu hak mereka. Begitu juga majikan, janganlah lagi menindas wanita," katanya.

## Selangor rangka program baru wanita

**SHAH ALAM** - Selangor merangka pelbagai program baru untuk pembangunan wanita negeri itu terutama pengisian sepanjang Ramadan, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Daroyah yang juga Adun Segenting, berkata kejayaan Program Diskusi Khas Muslimat yang masuk kali ketiga penganjurannya menjadi pemangkin atas perancangan terbabit.

Katanya, penyertaan menggalakkan setiap daerah dalam program terbabit jelas membuktikan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam memastikan peranan dan sumbangan kaum wanita di negeri itu terus diiktiraf.

"Kita akan meneruskan program ini tahun depan dan menambah beberapa program baru.

"Saya sedia maklum program ini diadakan sekali dengan Semarak Ramadan yang bakal menjelajah ke sembilan daerah dalam Selangor dan ia berjalan sejak tiga tahun lalu.

"Tiada tujuan lain tetapi hanya untuk memeriahkan lagi pesta ibadah yang sedang berlangsung sepanjang Ramadan ini," katanya.



Program pembangunan wanita diberikan perhatian kerajaan

kepada Selangor Kini.

Hadir sama dalam diskusi yang bertemakan 'Ramadan: Tarbiah Untuk Keluargaku' itu adalahisteri Dato' Menteri Besar, Shamshida Taharin.

Pada masa sama, 150 ibu tunggal menerima sumbangan Ramadan dan berbentuk barang keperluan asas dan pemberian terbabit turut dilaksanakan di lapan daerah lain.

## Hospital KKB perlu empat mesin hemodialisis

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor diminta mempertimbang permohonan menambah Pusat Dialisis Rakyat di DUN Kuala Kubu Bharu (KKB), kata Adunnya, Lee Kee Hiong.

Katanya, kawasan itu menerima permintaan tinggi pesakit buah pinggang yang mahu mendapatkan rawatan hemodialisis di Hospital KKB.

Katanya, hospital sedia ada di KKB menghadapi masalah kekurangan mesin hemodialisis dan menyebabkan pesakit terpaksa menunggu giliran panjang.

"Mereka tidak mampu bayar kos rawatan mahal di pusat hemodialisis swasta yang mencecah RM150 hingga RM180 setiap rawatan.

"Hanya ada 14 mesin hemodialisis di Hospital KKB tapi ada ruang mencukupi bagi menempatkan empat mesin lagi," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berharap sumbangan empat mesin hemodialisis dan kos RM10,000 bagi pengubahsuaian tempat rawatan lama



**Mereka tidak mampu bayar kos rawatan mahal di pusat hemodialisis swasta yang mencecah RM150 hingga RM180 setiap rawatan**

**LEE KEE HIONG**  
Adun Kuala Kubu Bharu

sekaligus meningkatkan kualiti rawatan itu, mendapat pertimbangan.

## Lampu isyarat pintar kawal trafik

**PETALING JAYA** - Penggunaan lampu isyarat pintar di seluruh daerah ini antara perancangan masa depan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata ia bagi mengurangkan kesesakan trafik terutama waktu puncak akibat pertambahan kenderaan.

Katanya, MBPJ turut mahu memiliki bilik kawalan sendiri bagi memantau lampu isyarat, sekali gus mengawal aliran trafik.

"Ini perlu difikirkan untuk masa depan kerana kita sering menerima aduan kesesakan lalu lintas antaranya di Jalan Othman.

"MBPJ perlu memiliki monitor kawalan yang boleh mengawal lampu isyarat di seluruh Petaling Jaya. Jadi masalah kesesakan mudah diatasi," katanya.

Mohd Azizi berkata, MBPJ hanya memiliki kamera litar tertutup (CCTV) untuk faktor keselamatan yang dikawal penguatkuasanya.

## Percepat baiki laluan pejalan kaki



R Rajiv

**PETALING JAYA** - Adun Bukit Gasing, R Rajiv mendesak MBPJ membuat pantauan terhadap proses menyiapkan laluan pejalan kaki sepanjang Jalan Utara di sini.

Katanya, ia berikutan kontraktor untuk projek sistem jalan sehala itu mengorek laluan pejalan kaki itu hampir sebulan lalu tetapi hingga kini tiada penambahbaikan.

"Seharusnya, kontraktor mengatur kaedah kerja lebih efisien sebelum mengoreknya dan segera membuat jalan baru," katanya.

Kata Rajiv, laluan itu penting kepada orang ramai ke tempat kerja atau kolej kerana berhampiran LRT Asia Jaya dan perhentian bas dan menggesa kontraktor itu mempercepat kerja.



# Strategi PBT pelihara alam sekitar

**SHAH ALAM** - Pelbagai usaha dijalankan Pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membangkitkan peniaga dan orang ramai terhadap kepentingan alam sekitar.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Elizabeth Wong, berkata antaranya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyumbang bahan 'biodegradeable' (pinggan, cawan, sudu) kepada peniaga supaya tidak menggunakan polisterin dan beg plastik.

"Pekeliling pula dikeluarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada peniaga supaya tidak menggunakan polisterin dan beg plastik.

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pula, katanya, melancarkan Kempen Zero Waste untuk mengurangkan pembaziran makanan dan sisa pepejal serta minyak masak.

"Pekeliling pula dikeluarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada peniaga supaya tidak menggunakan polisterin dan beg plastik.

"Begini juga Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Larangan dikeluarkan kepada 1,126 peniaga di 21 lokasi," katanya pada

kenyataan medianya 28 Jun lalu.

Kempen JomTapau pula diperkenal Majlis Perbandaran Klang (MPK) secara berterusan bermula Ramadan ini.

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) turut mengedarkan risalah dan menyediakan tong kitar semula minyak masak di bazar terpilih.

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pula menjalankan kempen Hari Tanpa Beg Plastik dengan MDKL mem-

lih Sabtu dan MDHS memilih Rabu.

Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) juga mengadakan taklimat Pasar Ramadan 11 Jun lalu bagi memberi penerangan mengenai syarat mengedarkan beg sebagai ganti beg plastik di pasar Ramadan.

Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) pula mengadakan kempen keselamatan makanan dan menangani keracunan Makanan, selain mengedarkan 300 bekas makanan hasil produk tempatan.

## Utamakan penyelesaian trafik Damansara Damai

**SHAH ALAM** - Perbuatan sesetengah pemaju perumahan membuat promosi jualan sebelum memperoleh kebenaran merancang dari pihak berkuasa tempatan (PBT) mengelirukan bakal pembeli.

Merujuk isu tiga projek perumahan baharu di Damansara Damai, Adun Bukit Lanjan, Elizabeth Wong, berkata ia menyebabkan orang ramai menganggap MBPJ sudah memberi kelulusan.

Justeru, beliau menasihati mana-mana pihak yang berminat membeli unit ditawarkan supaya tidak membuat bayaran pendahuluan.

"Mereka buat pengiklanan, jadi penduduk fikir kebenaran mer-

ancang sudah diberi untuk jalan-jalan projek sebaliknya, semakan mendapati ia belum diluluskan," katanya kepada Selangor Kini.

Pada 13 Jun lalu, penduduk Damansara Damai mengadakan demonstrasi aman menuntut laluan kedua sebelum projek pembangunan baharu dijalankan.

Ia berikutnya kegagalan menyediakan laluan kedua sebelum pembinaan projek baru bakal menyebabkan kesesakan lalu lintas semakin buruk.

Elizabeth yang juga Exco Selangor, berkata Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary Anuar ada menyatakan MBPJ tidak akan meluluskan projek perumahan itu selagi isu trafik diselesaikan.

Katanya, Johary juga ada mengadakan sesi penerangan kepada persatuan penduduk dan pengurusan bangunan berhubung isu itu kira-kira dua minggu lalu.

"Saya maklum rintihan penduduk dan ini pendekatan bagus iaitu selesaikan isu trafik dahulu," katanya.

Kata Elizabeth, cadangan penambahbaikan aliran trafik di Damansara Damai dijangka mengambil masa setahun berikutan projek laluan kedua dibuat berperingkat.

"Ada beberapa pengubahsuaian dalam cadangan dibentang pada mesyuarat bersama penduduk. Ia memakan masa setahun tetapi MBPJ belum beri tarikh pro-

zek itu akan bermula," katanya.  
Elizabeth yakin kemampuan MBPJ mencari penyelesaian yang tidak membebankan penduduk Damansara Damai dan Sri Damansara.

“

**Saya maklum rintihan penduduk dan ini pendekatan bagus iaitu selesaikan isu trafik dahulu**

**ELIZABETH WONG**  
Adun Bukit Lanjan

# MPSJ terima Green World Ambassador 2015

**SUBANG JAYA** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) muncul pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia dianugerah Green World Ambassador 2015 di United Kingdom.

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata ia berikutan usaha gigih PBT itu membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau 2030 di samping memperkenal inisiatif hijau.

Tahun lalu, MPSJ menang Green Apple Environment Award melalui pelaksanaan inisiatif hijau dan Biomass MPSJ.

Ia kejayaan berganda dalam melaksanakan pelbagai inisiatif hijau, sekali gus memartabatkananya sebagai Green World Ambassador," katanya pada kenyataan media.

Majlis penganugerahan itu berlangsung di Leicester Square, London, United Kingdom yang dihadiri Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, 29 Jun lalu.

The Green Organisation adalah badan bebas yang ditubuh pada 1994 untuk menggalak dan mengiktiraf amalan penjagaan alam sekitar sesebuah pertubuhan, organisasi, badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan kerajaan di seluruh dunia.

Sebagai Green World Ambassador, inisiatif hijau MPSJ melalui projek My Biomass Way akan diterbitkan dalam The Green Book.

Ia bagi memberi peluang kepada golongan profesional mempelajari pengalaman dan kepakaran PBT itu dalam melaksanakannya.



## 11 kenderaan lagi disita MPK

**SHAH ALAM** - Sebanyak 11 kenderaan disita dalam operasi pengintipan pembuangan sampah haram oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) sekitar bandar itu, bermula Mei lalu.

Tindakan sita itu diambil berdasarkan Undang-undang Kecil 4 Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPK) 2007 kerana membuang sampah di tempat tidak ditetapkan PBT.

Pengarah Penguatkuasa MPK, Andry Arman Masrom, berkata antara lokasi dikenalpasti adalah Jalan Kebun Nenas, Jalan Air Mata Duyong, Telok Gong, Flat Taman Chi Liung, Pandamaran, Jalan Sri Damak 17 dan Jalan Te-menggung, Sri Sentosa dan Jalan Benteng.

Katanya, perbuatan tidak bertanggungjawab itu mengundang pelbagai jenis penyakit selain mencacatkan pemandangan.

"MPK akan teruskan peman-

**Tindakan sita itu diambil berdasarkan Undang-undang Kecil 4 Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPK) 2007 kerana membuang sampah di tempat tidak ditetapkan PBT**

tuan dari masa ke masa terutama pada musim perayaan akan datang," katanya.

Beliau berkata, MPK meminta jawatankuasa setempat khususnya di kawasan 'panas' bertindak aktif menangani pembuangan sampah haram itu.

"Orang ramai boleh melaporkan kepada pihak berkuasa jika berlaku aktiviti itu di tempat mereka di talian 1-800-88-23826 atau 03-33748845," katanya.

## Papan tanda MDKS dipalsu

**SHAH ALAM** - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) kesal dengan perbuatan pihak tertentu yang menyebarkan maklumat palsu hingga menjelaskan imej pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Azahari Sairin, berkata maklumat palsu pada papan tanda larangan membuang sampah menjadi viral sehingga mengejutkan semua pihak.

Katanya, paparan 'Awas! Anda akan berhadapan dengan penguatkuasa tidak berpakaian' menimbulkan persepsi buruk terhadap MDKS dan salah faham.

Sedangkan, beliau berkata, maklumat tepat ialah 'Awas! Anda akan berhadapan dengan penguatkuasa tidak berpakaian seragam' bertujuan mengurangkan perbuatan membuang sampah di bahu jalan.

Penyebaran gambar satu papan tanda MDKS di Jalan Melor

1, Saujana Utama mula disedari, pada 24 Jun lalu berikut ia tersebar luar di media sosial.

Azahari berkata, tindakan tegas perlu diambil terhadap individu tidak bertanggungjawab yang mengubah suai dan me-

nyebar maklumat palsu itu.

Katanya, semua pengguna media sosial diharap bertanggungjawab supaya tidak mengubah kenyataan di papan tanda MDKS mahupun menyebarkannya sembarangan.



## MBSA sedia 150 tong RORO

**SHAH ALAM** - Sebanyak 150 perkhidmatan tong Roll On Roll Off (RORO) disediakan antara 4 hingga 12 Julai ini sempena sambutan Aidilfitri.

Sebanyak 150 tong bersaiz tiga tan dan tujuh tan akan diletak di setiap kawasan dari Seksyen 2 hingga Seksyen 36 dan Seksyen U1 hingga Seksyen U20.

Timbalan Pengarah Korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata ia memudahkan orang ramai menguruskan pembuangan sampah pukal dengan lebih baik.

Antaranya perabot lama seperti almari, sofa, tilam, katil dan barang elektrik seperti peti ais, radio, televisyen, pengelas bateri telefon bimbit dan lain-lain.

"Kita mahu beri didikan tentang pengurusan sampah pukal dengan cara betul terutama melalui gotong-royong."

"Diharap penduduk beri kerjasama dengan meletakkan sampah pukal ke tong RORO bagi memudahkan kontraktor membuat kutipan," katanya pada kenyataan media.

Sebarang pertanyaan hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam melalui talian 03-55105133 sambungan 1645.

## Pelajar teruja Sultan Selangor serah sumbangan



Siti Norhidayah Abdullah

**KAJANG** - Peluang menerima sumbangan daripada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ibarat sebuah mimpi indah bagi beberapa penerima yang terdiri daripada golongan pelajar.

Mualaf, Siti Norhidayah Abdullah, 17, berkata dia teruja dan berdebar kerana berpeluang bertentang mata dengan Sultan Sharafuddin yang selama ini hanya dilihat di media.

"Tidak pernah terfikir untuk bertemu dengan baginda. Saya rasa umpama mimpi, gembira tak terkata."

"Pengalaman hari ini pastinya akan dikenang seumur hidup," katanya yang mula memeluk Islam sejak berumur 8 tahun bersama ibu dan dua beradik lain.

Beliau adalah antara 299 penerima sumbangan dalam majlis penyampaian di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), di sini, pada 29 Jun lalu.

Seramai 204 pelajar asnaf dan 95 saudara baru menerima sumbangan bernilai RM500 seorang.

Sementara itu, pelajar jurusan syariah KUIS, Nadia Syafikah Abdul Rahim, 19, tekad untuk menyimpan sumbangan itu demi kegunaan masa hadapan.

"Ini kali kedua saya menerima sumbangan. Seperti sebelum ini, saya lebih senang menyimpan di bank."

"Saya tidak akan berbelanja yang bukan-bukan. Ia akan digunakan untuk perkara perlu terutama bagi pengajian saya kerana lebih berkat begitu," katanya yang berasal dari Rawang.

# KUIS tersenarai tangga ke-37 IPT di Malaysia

OLEH LIZAWATI MADFA

**KAJANG** - Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) berjaya menduduki tangga ke-37 daripada 500 intitusi pengajian tinggi di Malaysia.

Rektor KUIS, Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri, berkata faktor itu juga menyumbang kepada pertambahan jumlah pelajar yang memberansangkan sejak beberapa tahun lalu.

"Dua tahun lalu, pelajar KUIS hanya 3,450 tetapi meningkat sehingga 7,058 awal tahun ini.

"Sesi Jun 2015 pula menyaksikan 18,000 permohonan diterima, namun hanya 2,400 dipilih sementara 1,000 pelajar asasi akan mendaftar Julai ini. Ini menjadikan keseluru-hannya melebihi 8,000 pelajar," katanya.



Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri



Pelajar menikmati juadah berbuka puasa

Beliau berkata demikian di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada majlis berbuka puasa

di perkarangan masjid KUIS, di sini, pada 29 Jun lalu.

Halim berkata, KUIS juga masih mengekalkan kadar yuran tanpa sebarang kenaikan sejak 2008.

"Terima kasih kepada pembayar zakat khususnya Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang mem-

peruntukkan dana RM12 juta setahun, sejak 2007.

"Seiring dengan peningkatan kutipan zakat dan pertambahan pelajar, patik dengan rendah diri memohon dana diteruskan atau dipertingkatkan jumlahnya," katanya.

## Lima pensyarah terima pengiktirafan UNISEL

**SHAH ALAM** - Lima penyertaan terbaik pertandingan reka cipta logo rasmi Institut Darul Ehsan (IDE) akan menerima pengiktirafan Universiti Selangor (UNISEL).

Pertandingan disertai tenaga pengajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UNISEL itu bertujuan menyumbang idea kreatif penghasilan logo rasmi mereka.

Semua peserta menerima sijil penghargaan peringkat universiti daripada Naib Canselornya, Prof Dr Anuar Ahmad yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof Madya Dr Shaharuddin Badaruddin.

IDE membantu merangka polisi, hala tuju dan kebijakan bagi membangunkan kecemerlangan negeri dalam dimensi ekonomi, sosio politik, pembangunan seimbang, tatakelola kerajaan (good governance) serta kemajmukan masyarakat.

Ia merencana dan merangka program strategik bagi mewujudkan masyarakat progresif yang demokratik, sejahtera, berilmu, bertamadun dan bermoral tinggi, komited dengan prinsip kebenaran serta keadilan.

**IDE membantu merangka polisi, hala tuju dan kebijakan bagi membangunkan kecemerlangan negeri dalam dimensi ekonomi, sosio politik, pembangunan seimbang, tatakelola kerajaan (good governance) serta kemajmukan masyarakat**



Idea kreatif diiktiraf mendapat penghargaan UNISEL

# Sokongan bantu lakar kejuaraan



Pemain bola sepak Selangor menyantuni anak yatim semasa Majlis Berbuka Puasa pasukan itu bersama penyokong di pekarangan SACC MALL Shah Alam

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Sorakan gamat penyokong Merah Kuning ditagih sebagai usaha berterusan untuk bersama-sama mengorak langkah menjadi juara, kata Pengurus bola sepak Selangor, Amirudin Shaari.

"Berdasarkan momentum, saya yakin pasukan Merah Kuning mampu melakar kejayaan lebih membanggakan pada perlawanan akan datang."

"Saya gesa penyokong Merah Kun-

ing memberi sokongan berterusan kepada pemain untuk kita," katanya pada Majlis Berbuka Puasa Pasukan Liga Super Selangor Bersama Penyokong.

Ia berlangsung meriah di pekarangan SACC Mall dengan kehadiran lebih 300 penyokong.

Majlis itu disempurnakan Amirudin Shari bagi merai peminat di samping memberi kesempatan bera-mah mesra bersama pemain dengan lebih dekat.

Turut hadir, jurulatih Selangor, Mehmet Durakovik.

Amirudin berharap rentak dua kemenangan berturut-turut dalam saingan Liga Super diteruskan pada perlawanan seterusnya.

Pada majlis sama, pasukan Selangor menyantuni 60 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Masjid Sultan Salau-huddin Abdul Aziz Shah dan Rumah Anak Yatim Al-Firdaus, Denai Alam.

Mereka menerima sumbangan duit raya daripada pemain Selangor.

## Musica Flypower cipta hatrik

**SHAH ALAM** - Pasukan badminton Musica Flypower dari Indonesia mengekal kejuaraan pada kejohanan Yonex-FKK International Cup 2015 di Kelab Shah Alam antara 26 hingga 28 Jun lalu.

Mereka menewaskan Shah Alam A 5-0 dalam perlawanan akhir, sekali gus mencipta hatrik berku-tan muncul juara sejak 2013.

Ketua pasukannya, Affendi Wi-jaya gembira dengan kejayaan itu kerana sudah membuat persiapan rapi bagi menghadapi kejohanan berkenaan.

"Awalnya, memang sukar ker-a-na semua pemain ada komitmen masing-masing tetapi kita berkum-pul dan bulatkan tekad dengan

azam tinggi.

"Muncul juara dan mencipta hatrik bukan mudah kerana pasukan lain hebat dan mencabar," katanya kepada Selangor Kini.

Bagi Shah Alam A, muncul naib juara dianggap kejayaan kerana pada tahun sebelumnya hanya layak ke peringkat separuh akhir.

"Kita cuba sebaikmungkintetapi Musica Flypower terlalu kuat," kata ketua pasukan, Lip Chun Sung.

Selain piala kejuaraan, Mu-sica Flypower meraih RM10,000 manakala Shah Alam A memenangi pingat dan RM5,000. Tempat ketiga, Swan Lum Rummit, Thai-land pulang dengan pingat dan RM2,000.



## Ramadan tak halang atlet berlatih

**SHAH ALAM** - Majoriti atlet Selangor tetap menerus-kan latihan walaupun mereka sedang menjalani iba-dah puasa sempena Ramadan, kata Timbalan Pen-garuh Pembangunan Sukan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), Mohamad Nizam Marjugi.

Mohamad Nizam ber-kata, latihan berter-u-san penting untuk atlet mengekalkan stamina dan kemahiran mereka.

"Seperti atlet gim-nastik, mereka perlu berlatih sepenuh masa secara berterusan bagi mengekalkan kelen-turan badan.

"Bagaimanapun, pro-gram latihan untuk atlet tidak begitu intensif, sesuai dengan mereka yang berpuasa," katanya kepada Selangor Kini.

Pada Sukan SEA lalu, atlet Selangor menyumbang 27 daripada 62 pingat emas untuk Ma-laysia.

Nizam berkata, pro-gram latihan juga tidak menghalang atlet mem-perbanyakkan ibadah seperti umat Islam lain.

"Asalkan tahu membahagikan masa dan mendahu-lukan mana yang penting, tiada masalah."

"Contohnya, atlet berbasikal akan meneruskan lati-han selepas solat sunat Terawih, itu biasa setiap Ra-madan," katanya.



**Bagaimanapun, program latihan untuk atlet tidak begitu intensif, sesuai dengan mereka yang berpuasa**

**MOHAMAD NIZAM**

Timbalan Pengarah Selangor MSNS

## WAKTU SOLAT SELANGOR

3 - 10 JULAI 2015

16 - 23 RAMADAN 1436H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Jumaat	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44
04 Sabtu	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
05 Ahad	5:35	5:45	7:09	1:21	4:46	7:29	8:45
06 Isnin	5:36	5:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
07 Selasa	5:36	5:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
08 Rabu	5:36	5:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
09 Khamis	5:36	5:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
10 Jumaat	5:37	5:47	7:10	1:21	4:46	7:30	8:45

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Jumaat	5:37	5:47	7:10	1:22	4:48	7:31	8:47
04 Sabtu	5:37	5:47	7:10	1:22	4:48	7:31	8:47
05 Ahad	5:37	5:47	7:10	1:23	4:48	7:31	8:47
06 Isnin	5:37	5:47	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
07 Selasa	5:38	5:48	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
08 Rabu	5:38	5:48	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
09 Khamis	5:38	5:48	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
10 Jumaat	5:39	5:49	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47



CERGAS...

Bulan Ramadan bukan penghalang Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Keusahawanan, Amirudin Shari menunjukkan aksi bermain badminton sebagai simbolik ketika merasmikan Kejohanan Yonex-FKK International Cup. Pertandingan yang dikenali sebagai Piala Kok Keong sejak 2012 itu menyaksikan penyertaan pasukan luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Antara pemain lagenda dan bakat baharu

# Kongsi ilmu badminton

OLEH HAFIZAN TAIB DAN LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Perkongsian pengetahuan pemain badminton bakat baharu dan pemain berpengalaman luas bakal melahirkan pemain berprestasi tinggi pada masa depan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Keusahawanan, Amirudin Shari mahu membuka ruang kepada bakat baharu dan pemain berpengalaman pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, penyertaan pemain ternama dunia lebih bermakna dengan perkongsian ilmu dan pengalaman bersama bakat baharu berikutnya kehadiran ramai jaguh dunia.

"Pembabitan pemain berpengalaman tidak sekadar menyertai kejohanan tetapi mungkin

ada sesi bersama pemain junior.

"Ia bagi memberi peluang kepada pemain berbakat bersaing dengan lagenda seperti Foo Kok Keong," katanya kepada Selangor Kini selepas majlis penyampaian hadiah kejohanan, 29 Jun lalu.

Beliau menyifatkan penyertaan pemain junior dan bakat baharu dalam kejohanan Yonex-FKK International Cup memeriahkan lagi acara itu.

Kejohanan yang mengambil nama bekas pemain Selangor dan Malaysia, Foo Kok Keong itu menyaksikan penyertaan ramai bekas pemain terkenal dunia.

Selain Malaysia, ia disertai pasukan dari Indonesia, Singapura, Thailand, Australia.

Kejohanan itu menyaksikan Musica Flypower dari Indonesia muncul juara diikuti naib juara, Shah Alam A (Malaysia) dan pemenang tempat ketiga, Swan Lun Rummit (Thailand).

Amiruddin berkata pengajuran tahun keempat itu diyakini membantu pembangunan mampan sukan badminton Selangor secara berterusan berikutnya ia melibatkan bekas pemain dan lagenda ternama.

"Kita ada pemain dari Malaysia seperti Foo Kok Keong, Ong Ewe Hock dan Yap Kim Hock serta pemain lagenda Indonesia, Thailand, Singapura dan Australia," katanya.

Lima kategori dipertanding iaitu beregu lelaki 110 tahun dan

ke atas (gabungan umur pasangan), beregu lelaki 90 tahun dan ke atas, beregu lelaki 70 tahun dan ke atas, beregu lelaki 100 tahun dan ke atas serta beregu campuran (Lelaki berumur 50 tahun ke atas dan wanita 30 tahun dan ke atas).

Amirudin berkata, Selangor

sedia menyerap pemain di akademi badminton untuk menyerai pasukan negeri.

"Kita bersedia bertemu dengan pemain senior seperti Foo Kok Keong dan Ong Ewe Hock yang ada akademi sendiri. Kita optimis dapat manfaat daripada usaha mereka ini," katanya.



## Stadium Hoki PJ siap Disember

**Kontraktor baru dilantik oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan kerja membaik pulih mengambil masa empat bulan dari tarikh mula tugas.**

**SHAH ALAM** - Stadium Hoki Petaling Jaya boleh digunakan akhir tahun ini, kata Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Pada masa ini, usaha menerima nafas baru terhadap stadium itu dibuat menerusi projek naik taraf prasarana sukan yang diumum Kerajaan Negeri.

"Kontraktor baru dilantik oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan kerja membaik pulih mengambil masa empat bulan dari tarikh mula tugas.

"Selepas itu, stadium itu boleh digunakan sepenuhnya, malah mampu menjadi venue untuk sebarang pertandingan," katanya kepada Selangor Kini.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor meluluskan peruntukan RM2.5 juta bagi membaik pulih Stadium Hoki Pandamaran Klang dan Stadium Hoki Petaling Jaya.

Oktober lalu, beliau meninjau Stadium Hoki Pandamaran bagi

melihat sendiri kerosakan dan keperluan yang perlu bagi memastikan kemudahan berfungsi.

Stadium berusia 20 tahun itu memerlukan kerja menambah baik kemudahan, bumbung, kerusi dan karpet padang. Sejak dibina pada 1984, ia hanya berganti karpet padang pada 1998.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, Stadium Hoki Pandamaran Klang memerlukan kerja baik pulih lebih banyak berbanding di Petaling Jaya.

Beliau berkata, tender membaik pulih stadium itu belum diberi kepada mana-mana kontraktor dan ia masih terbuka. Stadium Hoki PJ siap Disember